CyberSecurity MALAYSIA

Securing Our Cyberspace

LAPORAN TAHUNAN | ANNUAL REPORT

2009

Setting the stage for Malaysians to be global citizens

Malaysians are increasingly living as 'global citizens' in a borderless world shaped and driven by the power of the internet. Many individuals already work, play and live as much - if not more so - in cyberspace as they do in their physical environments. Indeed, Malaysians are going online at a younger age. Many do so before they even learn how to ride a bicycle. The pace at which cyber technology is evolving will continue to transform the way we do business, entertain ourselves and interact with others. That we can do so with confidence rests on the capability and capacity of applications to secure and protect transactions and communications over cyberspace. On this score, cyber security is indispensable in transforming Malaysians into global citizens.

Menyediakan pentas bagi rakyat Malaysia untuk menjadi warga global

Rakyat Malaysia kian menjalani kehidupan sebagai 'warga global' di dunia tanpa batas yang dibentuk dan digerakkan oleh kekuatan internet. Ramai individu telah pun bekerja, bermain dan menjalani kehidupan di alam siber sebagaimana – atau mungkin lebih lagi daripada - yang mereka lakukan di dalam persekitaran fizikal mereka. Memang benar, semakin ramai rakyat Malaysia melayari alam siber di usia muda. Bahkan ramai yang melakukannya sebelum mereka belajar menunggang basikal. Kelajuan perkembangan teknologi siber akan terus mengubah cara kita menjalankan perniagaan, berhibur dan berinteraksi dengan satu sama lain. Ini kita lakukan dengan keyakinan yang diletakkan di atas kemampuan dan keupayaan aplikasi-aplikasi untuk memperolehi dan melindungi transaksi dan komunikasi di alam siber. Dalam skor ini, keselamatan siber sangat diperlukan untuk mengubah rakyat Malaysia menjadi warga global.

Contents Kandungan

Notice of the Fourth Annual General Meeting

Notice of Annual General Meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Fourth Annual General Meeting of CYBERSECURITY MALAYSIA will be held by way of Members' Circular Resolution pursuant to Article 20 of the Company's Articles of Association on or before 22 June 2010 to transact the following businesses:-

AS ORDINARY BUSINESS

1.	To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2009 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon;	Resolution 1
2.	To re-elect YBhg. Datuk Abang Abdul Wahap bin Abg Julai and YBhg. Datuk Dr Abdul Raman bin Saad who retires by rotation pursuant to Articles 49 and 51 of the Company's Articles of Association and who, being eligible, offer themselves for re-election;	Resolution 2
3.	To-reappoint Messrs Azman, Wong & Salleh as Auditors of the Company and to authorize the Directors to fix their remuneration;	Resolution 3

AS SPECIAL BUSINESS
To consider and, if thought fit, pass the following resolution:

4.	To approve the payment of the Directors' accumulated monthly allowances for the financial year ended 31 December 2009.	Resolution 4

BY ORDER OF THE BOARD

JAILANY BIN JAAFAR (LS8843)
Company Secretary

Selangor
01 June 2010

NOTES:
1. A proxy need not be a member of the CyberSecurity Malaysia PROVIDED that a member shall not be entitled to appoint a person who is not a member as his proxy unless that person is an advocate, an approved company auditor or a person approved by the Registrar of Companies.
2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointor or his attorney duly authorised in writing or if the appointor is a body corporate, either under seal or under hand of the officer or attorney duly authorised.
3. To be valid the proxy form duly completed must be deposited at the Registered Office of the CyberSecurity Malaysia at Level 8, Block A, Mines Waterfront Business Park, No. 3, Jalan Tasik, The Mines Resort City, Seri Kembangan 43300 Selangor Darul Ehsan, Malaysia not less than forty-eight (48) hours before the time for holding the meeting.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keempat

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIBERITAHU BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Keempat CYBERSERCURITY MALAYSIA akan diadakan selaras dengan Resolusi Pekeliling Ahli menurut Akta 20 Tataurusan Pertubuhan Syarikat pada atau sebelum 22 Jun 2010 untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1.	Untuk menerima Penyata Kewangan Telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya;	Resolusi 1
2.	Untuk memilih semula YBhg. Datuk Abang Abdul Wahap bin Abg Julai dan YBhg. Datuk Dr Abdul Raman bin Saad yang bersara mengikut giliran menurut Tataurusan 49 dan 51 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan, oleh kerana layak, menawarkan mereka untuk pemilihan semula;	Resolusi 2
3.	Untuk melantik semula Tetuan Azman, Wong & Salleh sebagai Juruaudit Syarikat dan membenarkan Pengarah-Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka;	Resolusi 3

SEBAGAI URUSAN KHAS
Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut:

4.	Untuk meluluskan pembayaran Elaun Bulanan Terkumpul Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.	Resolusi 4

ATAS ARAHAN LEMBAGA

JAILANY BIN JAAFAR (LS8843)
Setiausaha Syarikat

Selangor
01 Jun 2010

NOTA:
1. Seorang proksi tidak semestinya ahli CyberSecurity Malaysia dengan SYARAT bahawa seseorang ahli hendaklah tidak layak untuk melantik seseorang yang bukan ahli sebagai proksi beliau melainkan individu tersebut adalah seorang peguam, seorang juruaudit syarikat yang diluluskan atau seorang individu yang telah diluluskan oleh Pendaftar Syarikat.
2. Suratcara pelantikan proksi hendaklah secara bertulis dengan ditandatangani oleh pelantik atau peguam beliau yang telah diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau jika pelantik tersebut merupakan sebuah badan korporat, sama ada di bawah meterai atau tandatangan pegawai atau peguam yang telah diberi kuasa sewajarnya.
3. Borang proksi yang telah dilengkapkan sewajarnya mestilah dihantar ke Pejabat Berdaftar CyberSecurity Malaysia di Aras 8, Blok A, Mines Waterfront Business Park, No. 3, Jalan Tasik, The Mines Resort City, Seri Kembangan 43300 Selangor Darul Ehsan, Malaysia tidak lewat dari empat puluh lapan (48) jam sebelum masa untuk mesyuarat diadakan.

Our Direction Halatuju Kami

Vision / Visi

To be a Globally Recognised, National Cyber Security Reference and Specialist Centre by 2020
Untuk Menjadi Sebuah Pusat Rujukan dan Pakar Keselamatan Siber Nasional Yang Diiktiraf di Peringkat Global Menjelang 2020

Mission / Misi

Creating and Sustaining a Safer Cyberspace to Promote National Sustainability, Social Well-Being and Wealth Creation
Mewujud dan Mengekalkan Alam Siber yang Lebih Selamat bagi Menggalakkan Kemapanan, Kemakmuran Sosial dan Penciptaan Kekayaan Negara

Key Result Areas (KRA) / Bidang Keberhasilan Utama

- National Cyber Security Enhancement
  Peningkatan Keselamatan Siber Nasional
- National Cyber Security Capability & Capacity Building
  Pembinaan Keupayaan Keselamatan Siber & Pembangunan Kapasiti Nasional
- International Cooperation & Recognition
  Kerjasama dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa
- Financial Management & Accountability
  Pengurusan Kewangan dan Kepertanggungjawaban
- Quality Service Delivery
  Penyerahan Perkhidmatan Berkualiti
- Learning Organisation
  Peningkatan tahap pengetahuan dan pembelajaran organisasi
- Branding
  Penjenamaan

Strategic Goals / Matlamat Strategik

- To increase trust and confidence in using indigenous products and expertise
  Mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan untuk menggunakan pelbagai produk dan kepakaran tempatan
- To obtain adequate funding and effectively use them to meet core objectives
  Mendapatkan dana yang mencukupi dan menggunakannya secara efektif untuk mencapai objektif teras.
- To strengthen the position of Malaysia globally in cyber security
  Memantapkan kedudukan Malaysia di persada keselamatan siber dunia
- To increase public awareness of our specialised cyber services
  Menambahkan kesedaran orang ramai terhadap perkhidmatan siber khas kami
- To ensure adequate number of cyber security professionals
  Memastikan bilangan profesional keselamatan siber yang mencukupi
- To enhance the state of cyber security readiness of the nation
  Meningkatkan tahap kesediaan keselamatan siber negara
- To raise national awareness in cyber security
  Meningkatkan kesedaran keselamatan siber nasional
- To promote empowered work teams with positive attitude, innovative workforce and strong teamwork
  Menggalakkan pengwujudan pasukan kerja yang bersikap positif, tenaga kerja yang berinovasi dan semangat berpasukan yang teguh
- To improve customer satisfaction
  Memperbaiki tahap kepuasan pelanggan

What We Believe In

Our Core Values are being a Trusted, Impartial, and Proactive Specialist Service Provider in Cyber Security.

Trusted
Maintaining social, ethical, and organisation norms; firmly adhering to codes of conduct and professional ethical principles.

Impartial
Provide judgement, advice, and make decisions with high professionalism, unbiased and based on clear facts and rationale; devoid of any personal or conflict of interest.

Proactive
Taking prompt action to accomplish objectives; anticipate challenges and identify solutions; taking action to achieve goals beyond what is required.

Keyakinan Kami

Nilai Teras Kami adalah untuk Menjadi Penyedia Perkhidmatan Pakar dalam Keselamatan Siber Yang Dipercayai, Saksama dan Proaktif

Dipercayai
Mengekalkan kelaziman sosial, etika dan organisasi; mematuhi kod tatalaku dan prinsip-prinsip etika profesional.

Saksama
Memberikan pertimbangan, nasihat dan membuat keputusan berdasarkan kepada ciri-ciri profesionalisma yang tinggi, tidak berat sebelah dan berdasarkan kepada fakta serta rasional yang jelas; sentiasa mengelakkan sebarang kepentingan peribadi atau konflik kepentingan.

Proaktif
Mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan objektif; menjangka cabaran dan mengenalpasti penyelesaian; mengambil tindakanuntuk mencapai matlamat mengatasi apa yang diperlukan.

How We Got Here Langkah Kami

2006
7 April 2006
To address the growing cyber threats in critical areas, the National Information Technology Council (NITC) Meeting 1/2006 agreed that the National Cyber Security Policy (NCSP) be adopted, with NISER to begin the transformation process to become the Malaysian Cyber Security Centre and given the additional mandate to assist the government in implementing the NCSP.

Bagi menangani ancaman siber yang semakin membimbangkan di bidang-bidang kritikal, Mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat (NITC) 1/2006 bersetuju bahawa Dasar Keselamatan Siber Nasional (NCSP) perlu diterima pakai, dengan NISER memulakan proses transformasi untuk menjadi Pusat Keselamatan Siber Malaysia dan diberi mandat tambahan untuk membantu kerajaan melaksanakan NCSP.

2005
28 September 2005
As part of MIMOS Berhad's rationalisation exercise, the Malaysian Cabinet decided for NISER to be separated from MIMOS, and established as a Company Limited by Guarantee, owned by the Government of Malaysia, under the purview of MOSTI.

Sebagai sebahagian daripada langkah rasionalisasi MIMOS Berhad, Kabinet Malaysia telah memutuskan supaya NISER diasingkan daripada MIMOS, dan beroperasi sebagai sebuah Syarikat Berhad mengikut Jaminan, yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia, di bawah kawal selia MOSTI.

2001
10 April 2001
NISER was officiated by the then Deputy Minister YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

NISER telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

1998
24 January 1998
National ICT Security and Emergency Response Centre (NISER) was born when the National IT Council (NITC) directed an agency to be formed to address ICT security issues in Malaysia. MyCERT became part of NISER.

Pusat Keselamatan dan Tindak balas Kecemasan ICT Negara (NISER) telah lahir apabila Majlis IT Negara (NITC) mengarahkan sebuah agensi dibentuk bagi menangani isu keselamatan ICT di Malaysia. MyCERT menjadi sebahagian daripada NISER.

1997
13 January 1997
The Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) was established to address computer security issues amongt Malaysian internet user.

Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) ditubuhkan untuk menangani isu keselamatan komputer di kalangan pengguna internet Malaysia.

2007

30 March 2007

NISER was officially renamed CyberSecurity Malaysia and registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM).

NISER secara rasmi diberi nama baru sebagai CyberSecurity Malaysia dan didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

20 August 2007

CyberSecurity Malaysia was officially launched by the Prime Minister of Malaysia during the NITC Meeting 1/2007 at Cyberjaya.

CyberSecurity Malaysia telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia semasa Mesyuarat NITC 1/2007 di Cyberjaya.

2008

25 July 2008

CyberSecurity Malaysia was certified in Information Security Management System (ISMS), ISO/IEC 27001:2005.

CyberSecurity Malaysia telah mendapat pensijilan ISO/IEC 27001:2005 iaitu standard Pengurusan Keselamatan Sistem Maklumat (ISMS).

8 October 2008

The Government appointed CyberSecurity Malaysia as the sole Certification Body for the evaluation and certification scheme based on MS ISO/IEC 15408:2005 Information Technology – Security Techniques – Evaluation Criteria for IT Security. This certification body is named Malaysian Common Criteria Certification Body (MyCB).

Kerajaan telah melantik CyberSecurity Malaysia sebagai Badan Persijilan tunggal untuk skim penilaian and persijilan berasaskan kepada MS ISO/IEC 15408:2005 Teknologi Maklumat – Teknik Keselamatan – Kriteria Penilaian Bagi Keselamatan IT. Badan Persijilan ini dikenali sebagai Badan Persijilan Kriteria Bersama Malaysia (MyCB).

2009

2 November 2009

CyberSecurity Malaysia services expanded with the launching of its Northern Regional Office in Perak Techno-Trade Center, Ipoh, Perak.

Perkhidmatan CyberSecurity Malaysia telah diperluaskan dengan pelancaran Pejabat Baru Wilayah Utara di Perak Techno-Trade Center, Ipoh, Perak.

7 July 2009

CyberSecurity Malaysia launched the Cyber999 Help Centre during the Cyber Security Malaysia || SecureAsia@ KL event in Kuala Lumpur Convention Centre. Cyber999 Help Centre is a service offered by CyberSecurity Malaysia to handle security issues or incidents faced by computer and internet users.

CyberSecurity Malaysia telah melancarkan Pusat Bantuan Cyber999 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur bersempena dengan acara Cyber Security Malaysia || SecureAsia@ KL . Pusat Bantuan Cyber999 adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh CyberSecurity Malaysia untuk menangani isu keselamatan atau insiden yang dihadapi pengguna komputer dan internet.

1 December 2009

CyberSecurity Malaysia launched the Malware Research Centre during the World Computer Security Day in Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur. This centre is built to conduct research and development in mitigating malware threats, as well as to provide advisories on emerging threats to stakeholders.

CyberSecurity Malaysia telah melancarkan Pusat Penyelidikan Malware di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur bersempena dengan acara Hari Keselamatan Komputer Sedunia. Pusat ini dibina untuk mengendalikan penyelidikan dan pembangunan dalam mengurangkan ancaman malware, serta menyediakan maklumat mengenai ancaman yang akan muncul kepada pihak yang berkepentingan.

Client Charter

Our Promise to You

Our vision is to be a globally recognised National Cyber Security Reference and Specialist Centre by 2020.

To make this a reality, we intend to make you, our client, the number one consideration in everthing that we do.

We aim to do this through three main areas of focus:

SERVICE, QUALITY and RELATIONSHIPS.

SERVICE

In delivering our service to you, we adopt values that inform our approach and ensure our professionalism in carrying out our work.

We are resourceful
We understand that one solution never fits all. Your situation will always be specific to your own organisation, as such we are always practical and innovative when solving a problem so that we can deliver solutions that are personalised for you.

We are proactive
We take the initiative to be forward thinking and progressive when confronting problems in our work, for we know that in our industry, there is just no other way to do things.

We are responsive
Befitting our calling of keeping our cyberspace safe and secure, we make sure we step up when challenges arise, no matter the complexity, nature of problem or who calls in.

QUALITY

We strive to always reach for higher levels of quality in service, for we understand that this is the only way to ensuring that we remain at the forefront of the industry.

We are impartial
No matter how big or small a problem or case might be, we handle it impartially. We will provide fair and unbiased support, advice and information without discrimination or prejudice.

We specialise
To ensure you gain maximum benefit from working with us, we do only the best, so that you are assured we won't be sidetracked by issues that might hinder our performance.

We are effective
In order to maintain the highest level of service to you, we strive to deliver accurate advice and reliable service every single time.

RELATIONSHIPS

Beyond the technical world we operate in, a critical factor in our success is relationships- ties between ourselves and our clients, and ties between everyone at CyberSecurity Malaysia. This is what drives us towards excellence.

We support each other
Each and every single staff here plays a role in helping you solve your problem. We share our expertise and experience so that you enjoy the benefits and skills of every single one of us.

We are passionate
We take pride in our work, and our cooperation with all clients. Working together, we truly believe we can secure our nation's cyber security.

We strive to be trustworthy
Everything we do is focused on one primary goal – you. We are here to safeguard your needs and interests and that of the community. In doing so, we hope to gain your trust and confidence.

Piagam Pelanggan

Janji Kami Kepada Anda

Visi kami adalah untuk menjadi Pusat Rujukan Keselamatan Siber Kebangsaan yang diiktiraf di persada antarabangsa dan menjadi Pusat Kecemerlangan Kepakaran menjelang tahun 2020.

Untuk menjadi impian ini satu realiti, kami berhasrat untuk menjadikan anda, Pelanggan Kami, sebagai keutamaan di dalam setiap aktiviti kami.

Kami berhasrat untuk melaksanakannya dengan memberikan tumpuan kepada tiga bidang yang penting iaitu: **PERKHIDMATAN, KUALITI dan PERHUBUNGAN.**

PERKHIDMATAN

Semasa menyampaikan perkhidmatan kepada anda, kami akan menerapkan nilai-nilai berinformasi berkaitan dengan kaedah tatakerja kami dan akan sentiasa memastikan tahap profesionalisma diaplikasikan semana kami melaksanakan tugasan tersebut.

Kami berinovasi
Kami memastikan bahawa satu kaedah penyelesaian tidak semestinya sesuai bagi semnua permasalahan. Setiap organisasi mempunyai permasalahannya sendiri yang unik, oleh itu kami sentiasa bersikap praktikal dan inovatif apabila menyelesaikan sebarang permasalahan yang berciri peribadi khusus kepada anda.

Kami proaktif
Kami sentiasa mengambil inisiatif untuk berfikiran maju ke hadapan dan progresif apabila menangani permasalahan semasa melaksanakan tugasan, kerana kami mengetahui bahawa di dalam industri ini, hanya inilah prinsip pelaksanaan tugasan yang diterima.

Kami bersedia untuk bertindak
Sesuai dengan matlamat kami untuk menjadikan ruang siber anda selamat dan terlindung, kami memastikan bahawa kami sentiasa bersedia untuk menangani sebarang permasalahan, tidak kira bagaimana sukar dan kompleks, di dalam pelbagai keadaan dan tidak kira siapa pun yang memanggil.

KUALITI

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai tahap yang lebih tinggi di dalam penyampaian mutu perkhidmatan kami, kerana kami memahami bahawa ini sahaja caranya untuk sentiasa menjadi yang terunggul di dalam industri ini.

Kami adil
Tidak kira bagaimana besar atau kecil sesuatu permasalahan itu, kami akan menanganinya dengan adil. Kami akan memberikan sokongan secara adil dan saksama, memberikan khidmat nasihat dan informasi tanpa diskriminasi atau prejudis.

Kami pakar
Kami memastikan anda mendapat manfaat yang maksimum semasa berurusan, kerana kami pakar di dalam bidang ini, jadi anda pastinya tidak akan dipesongkan oleh isu-isu yang boleh menggugat prestasi kami.

Kami cekap
Demi memastikan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang terbaik untuk anda, kami sentiasa berusaha untuk menyampaikan maklumat dan nasihat secara tepat dan memberikan perkhidmatan yang dipercayai pada setiap masa.

PERHUBUNGAN

Di sebalik dunia teknikal di mana kami beroperasi, salah satu faktor yang menjadi tunggak kejayaan kami ialah Perhubungan dan Ikatan yang terjalin di antara kami dengan pelanggan dan ke semua warga kerja CyberSecurity Malaysia. Ianya merupakan teras yang memacu kami ke arah kejayaan.

Kami bekerjasama
Setiap seorang daripada warga kerja kami memainkan peranan di dalam menangani permasalahan anda. Kami berkongsi kemahiran dan pengalaman agar anda dapat menikmatan faedah daripada kepakaran yang kami miliki.

Kami menjiwai
Kami berbangga dengan tugasan yang kami lakukan dan kerjasama yang kami hulurkan kepada pelanggan. Dengan usahasama yang padu kami yakin akan berupaya untuk menjamin keselamatan ruangan siber negara kita.

Kami boleh dipercayai
Segala aktiviti kami bermatlamatkan kepada anda. Kami berada di sini untuk menjamin keselamatan dan kepentingan anda dan orang ramai. Di dalam melaksanakan matlamat ini, kami berharap agar anda boleh memberikan sepenuh kepercayaan dan keyakinan kepada kami.

Message by the Minister of Science, Technology & Innovation

Malaysia under Prime Minister YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak has outlined the way forward with a New Economic Model (NEM) to transform a resource-led and efficiency-driven economy into a knowledge-based and innovation-led economy.

Under the NEM, Malaysia will build its engines of growth around high value industries and key sectors that have the scale and power to lift the nation from a middle-income to a high-income economy. At the same time, this platform for growth also seeks to develop a well-balanced society that enjoys a high quality of life.

Information and communication technologies (ICT) form one of the pillars to support these aspirations as it has the potential to drive the economy up the value chain - first as an industry on its own, and second, as an enabler that can raise the productivity and competitiveness of other industries.

In this regard, cyber security plays a critical role by ensuring the integrity of the online exchange of information and communication that has become such a pervasive and indispensible aspect of our lives.

It is through the assurance of cyber security that we can build and sustain a culture of innovation among the ICT players as well as other industries. It is also through the protective net provided by cyber security that we can maintain the values essential to the spiritual and moral development of our next generation.

Indeed, the success of CyberSecurity Malaysia in performing its role is one of the reasons behind the growth of MSC Malaysia within our borders and its current aspirations to export Made-in-Malaysia ICT products and services overseas.

I am confident that CyberSecurity Malaysia will continue to overcome all future challenges in securing our cyberspace for the nation and its people.

YB Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, JP
Minister of Science, Technology and Innovation

Kata Aluan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, telah menggariskan hala tuju Negara melalui pembentukan Model Ekonomi Baru (MEB) bagi mengubah ekonomi yang berasaskan sumber dan kecekapan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi.

Di bawah MEB, Malaysia akan membina jentera-jentera pertumbuhan di sekitar industri yang bernilai tinggi dan sektor-sektor utama yang mempunyai skala dan kekuatan untuk mengangkat negara daripada ekonomi berpendapatan pertengahan kepada berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, platform pertumbuhan ini turut mensasarkan pembangunan masyarakat seimbang yang menikmati kualiti kehidupan yang tinggi.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau ICT membentuk salah satu tiang untuk menyokong aspirasi ini kerana ianya mempunyai potensi untuk memacu ekonomi dalam rangkaian yang lebih tinggi – pertama di dalam industrinya sendiri, dan kedua, sebagai penggerak yang boleh meningkatkan produkitiviti serta daya saing industri lain.

Sehubungan dengan itu, keselamatan siber memainkan peranan yang penting dalam memastikan integriti penukaran informasi dan komunikasi dalam talian yang kini kian pesat dan amat diperlukan di dalam kehidupan kita.

Melalui jaminan keselamatan siber, kita boleh membina dan mengekalkan suatu budaya inovasi di kalangan pemain ICT dan industri yang lain. Melalui perlindungan jaringan yang diberikan oleh keselamatan siber jugalah kita dapat mengekalkan nilai-nilai yang diperlukan untuk pembangunan kerohanian dan moral generasi di masa hadapan.

Sesungguhnya, kejayaan CyberSecurity Malaysia memainkan peranannya di sebalik perkembangan MSC Malaysia di dalam persempadanan kita serta aspirasi terkini bagi mengekspot produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan ICT "Buatan Malaysia".

Saya yakin, CyberSecurity Malaysia akan terus mengatasi segala cabaran yang mendatang di dalam melindungi ruang siber kita untuk Negara serta rakyatnya.

YB Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, JP
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Message by the Deputy Minister of Science, Technology and Innovation

Let me take this opportunity to congratulate CyberSecurity Malaysia on its many successes and achievements both at the national and international levels. Indeed, I am proud to say that the agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation has come a long way since its incorporation in 2007.

Let me also say that it is no exaggeration that CyberSecurity Malaysia is regarded as an unsung hero in the development of the nation's online culture. Without CyberSecurity Malaysia, we would not be among the leading countries in terms of internet usage and development of the ICT industry.

On this score, it is heartening to note that we are ranked among the top 20 nations for cyber security by the Vienna-based Institute of Management Development (IMD), ranking higher than developed countries such as the United States, United Kingdom, Norway and emerging economies like China and India.

It is noteworthy that we are recognised as a leader in our field by the member nations of the Organisation of Islamic Conference (OIC) and it is for this reason that we are currently the Chair of the OIC Computer Emergency Response Team (OIC-CERT).

I would also like to congratulate CyberSecurity Malaysia for the successful launch of the Cyber999 Help Centre as the nation's firewall against cyber threats as well as the CyberSecurity Malaysia Malware Research Centre.

I am gratified to note that Malaysian companies and individuals are extensively using CyberSecurity Malaysia's other services to support their growth and development which includes the Malaysian Common Criteria Certification and Malaysian ICT Security Evaluation Facilities (MySEF).

On behalf of the Ministry, I would like to thank the management and staff of CyberSecurity Malaysia for their services and support in our nation building process.



YB Tuan Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Deputy Minister of Science, Technology and Innovation

Kata Aluan daripada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada CyberSecurity Malaysia di atas kejayaan dan pencapaiannya sama ada di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Sesungguhnya, saya berbangga melihat pencapaian agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini yang telah berkembang jauh semenjak penubuhannya pada 2007.

Saya juga ingin menyatakan bahawa anggapan CyberSecurity Malaysia sebagai perwira di dalam membangunkan budaya dalam talian di Negara ini bukanlah sesuatu yang harus di pandang rendah. Tanpa Cybersecurity Malaysia, kita tidak akan menjadi di antara Negara utama dunia dari segi penggunaan internet serta perkembangan industri ICT.

Dalam pada itu, kita berbangga kerana Malaysia telah diletakkan di antara 20 Negara teratas di bidang keselamatan siber oleh Institute of Management Development (IMD) yang beribu pejabat di Vienna, Austria, di mana kita telah berada pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Norway dan Negara-negara kebangkitan ekonomi seperti Cina dan India.

Kami berbangga melalui CyberSecrurity Malaysia, Malaysia turut diiktiraf sebagai pemimpin di dalam bidang keselamatan siber oleh ahli-ahli Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) dan disebabkan oleh pengiktirafan ini juga maka Malaysia kini merupakan Pengerusi kepada Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer OIC (OIC-CERT).

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada CyberSecurity Malaysia di atas kejayaan pelancaran Pusat Bantuan Cyber999 sebagai penghadang Negara dari ancaman siber, dan juga Pusat Penyelidikan Malware.

Saya turut berbangga melihat syarikat-syarikat Malaysia dan individu menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia secara meluas di mana ianya telah menyokong pertumbuhan dan pembangunan yang merangkumi Malaysian Common Criteria Certification Body (MyCB) dan Malaysian ICT Security Evaluation Facilities (MySEF).

Bagi pihak MOSTI, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pengurusan serta kakitangan CyberSecurity Malaysia di atas khidmat dan sokongan yang telah diberikan di dalam proses pembangunan Negara kita.

YB Tuan Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Chairman's Statement

I am pleased to report that CyberSecurity Malaysia has continued to record impressive performance in providing its core information security services to the public and private sectors in the year ending 2009.

The level of awareness on cyber threats and the need for cyber security has risen tremendously among the Government, industry and business, and the general public in the relatively short period since CyberSecurity Malaysia was officially recognised in 2007.

It is widely acknowledged that the increase in transactions and activities on the Internet has exposed Malaysians to cyber invasions and other risks. To deal with such threats, CyberSecurity Malaysia has expanded its incident response services for the public by establishing the Cyber999 Help Centre. The Cyber999 Help Centre is fully operational and has been offering its services since it was launched in July 2009 during The CyberSecurity Malaysia || SecureAsia @ Kuala Lumpur 2009 Conference & Exhibition.

Kenyataan Pengerusi

Dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa CyberSecurity Malaysia berjaya meneruskan rekod prestasi yang memberangsangkan dalam menyediakan teras perkhidmatan keselamatan maklumat kepada sektor awam dan swasta bagi tahun berakhir 2009.

Tahap kesedaran terhadap ancaman siber dan keperluan memiliki keselamatan siber menunjukkan peningkatan ketara di kalangan sektor kerajaan, industri dan perniagaan serta masyarakat umum sejak CyberSecurity Malaysia diiktiraf secara rasmi pada 2007.

Adalah diakui umum bahawa peningkatan transaksi dan aktiviti menerusi Internet telah mendedahkan rakyat Malaysia terhadap pencerobohan dan lain-lain risiko. Dalam usaha menangani ancaman sedemikian, CyberSecurity Malaysia telah memperluaskan perkhidmatan tindak balas insidennya dengan menubuhkan Pusat Bantuan Cyber999. Pusat Bantuan Cyber999 kini beroperasi sepenuhnya dan telah menawarkan perkhidmatannya sejak dilancarkan pada Julai 2009 semasa Persidangan dan Pameran CyberSecurity Malaysia || SecureAsia @ Kuala Lumpur 2009.

In the area of computer emergency response services, CyberSecurity Malaysia's research capability to analyse malicious software and provide the appropriate counter measures has culminated in the establishment of the CyberSecurity Malaysia Malware Research Centre. This research centre was officially launched by The Honourable Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili, Minister of Science Technology and Innovation at the World Computer Security Day - WCSD Malaysia 2009 in Kuala Lumpur.

In the international arena, CyberSecurity Malaysia achieved a significant milestone when its proposal followed by a dedicated effort to establish the Organisation of Islamic Conference Computer Emergency Response Team ("OIC-CERT") was accepted for implementation by the Organisation of the Islamic Conference ("OIC"). Arising from this initiative, collaborations were established with an initial pool of OIC member countries providing assistance and expertise to establish and operate their national computer emergency response teams.

Efforts by the Government to secure Malaysia's Critical National Information Infrastructure ("CNII") were also strongly supported by CyberSecurity Malaysia through its implementation of vulnerability assessment services. Major CNII institutions have given their cooperation and trust by agreeing to an assessment of their critical network infrastructure by CyberSecurity Malaysia.

CyberSecurity Malaysia's digital forensic capabilities and expertise received statutory acknowledgement when its digital forensic analysts were gazetted as "expert witness" by the Government under Section 399 of the Criminal Procedure Code. A full-fledged multimedia digital forensic laboratory was established and became fully operational in 2009, thus further enhancing CyberSecurity Malaysia's position as the leading digital forensic expert in Malaysia.

Dalam bidang perkhidmatan tindakbalas kecemasan komputer, keupayaan penyelidikan CyberSecurity Malaysia dalam menganalisa perisian berbahaya dan menyediakan langkah-langkah pencegahan sewajarnya membawa kepada penubuhan Pusat Kajian Malware CyberSecurity Malaysia. Pusat kajian ini dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili, pada Hari Keselamatan Komputer Sedunia - WCSD Malaysia 2009 di Kuala Lumpur.

Di arena antarabangsa, CyberSecurity Malaysia mencatat pencapaian bersejarah yang penting apabila cadangan yang disusuli usaha bersungguh-sungguh untuk menubuhkan Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer Persidangan Pertubuhan Islam ("OIC-CERT") diterima oleh Persidangan Pertubuhan Islam ("OIC") untuk dilaksanakan. Bertitik-tolak dari sini, kerjasama dibentuk dengan beberapa negara anggota OIC bagi menawarkan bantuan dan kepakaran ke arah membentuk dan menggerakkan pasukan tindakbalas kecemasan komputer kebangsaan masing-masing

CyberSecurity Malaysia turut menyokong usaha Kerajaan menubuhkan Prasarana Maklumat Kritikal Kebangsaan ("CNII") Malaysia menerusi pelaksanaan perkhidmatan penilaian kelemahan. Institusi utama CNII telah memberi kerjasama dan kepercayaan dengan membenarkan CyberSecurity Malaysia melakukan penilaian terhadap prasarana rangkaian kritikal masing-masing.

Keupayaan dan kemampuan forensik digital CyberSecurity Malaysia menerima pengiktifan statutori apabila penganalis forensik digitalnya diwartakan sebagai "saksi pakar" oleh Kerajaan di bawah Seksyen 399 Kanun Prosedur Jenayah. Sebuah makmal lengkap forensik digital dan multimedia lengkap turut diwujudkan. Makmal tersebut telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009 sekali gus memperkukuhkan kedudukan CyberSecurity Malaysia sebagai perintis kepakaran forensik digital di Malaysia.

“

CyberSecurity Malaysia’s digital forensic capabilities and expertise received statutory acknowledgement when its digital forensic analysts were gazetted as “expert witness” by the Government under Section 399 of the Criminal Procedure Code.

”

I am pleased to put on record that CyberSecurity Malaysia has continued to fulfill the objectives of its establishment.

Looking ahead, CyberSecurity Malaysia expects to face mounting challenges to cyber security in the years to come. To prepare for this, we recognise that we need to cope in two essential areas: technology and human capital.

I would like to convey the Board of Directors’ gratitude and appreciation to the Ministry of Science, Technology & Innovation (MOSTI), the Ministry of Finance (MOF) and other relevant government bodies which have given their support and contribution to CyberSecurity Malaysia in 2009 and to our international affiliates and colleagues for their continuous commitment in assisting CyberSecurity Malaysia’s efforts in Information Security. May CyberSecurity Malaysia continue to flourish and prosper to become a globally recognised National Cyber Security Specialist Centre!



General Dato’ Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Retired)
Chairman
CyberSecurity Malaysia

Dengan sukacitanya, saya ingin merakamkan di sini bahawa CyberSecurity Malaysia telah memenuhi matlamat penubuhannya.

Memandang jauh, keselamatan siber di jangka akan lebih mencabar pada tahun-tahun akan datang. Sebagai persediaan, kami mengenal pasti dua bidang utama yang perlu diberi perhatian iaitu teknologi dan modal insan.

Saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan penghargaan Lembaga Pengarah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kewangan (MOF) dan agensi kerajaan berkenaan yang memberi sokongan dan sumbangan kepada CyberSecurity Malaysia pada 2009 dan kepada sekutu dan rakan sekerja antarabangsa kami atas komitmen berterusan dalam membantu usaha CyberSecurity Malaysia dalam bidang Keselamatan Maklumat.

Semoga CyberSecurity Malaysia terus berkembang dan maju ke arah menjadi Pusat Rujukan dan Pakar Keselamatan Siber Kebangsaan yang diiktiraf di peringkat global!

> “Keupayaan dan kemampuan forensik digital CyberSecurity Malaysia menerima pengiktifan statutori apabila penganalisis forensik digitalnya diwartakan sebagai “saksi pakar” oleh Kerajaan di bawah Seksyen 399 Kanun Prosedur Jenayah.”

Jeneral Dato’ Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara)
Pengerusi
CyberSecurity Malaysia

Board Members Ahli Lembaga Pengarah

General Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Bin Mohamed (Retired)
Chairman

General Dato' Seri Panglima Mohd Azumi (Retired) was appointed to the Board as Chairman in July 2009. A soldier with an illustrious military career over 37 years, he had served the Malaysian Armed Forces in various capacities including as Commander of the 10th Parachute Brigade, Commander of the First Infantry Division and Chief of the Army before his retirement in December 2004. During his service, he had the honour of serving with the United Nations Iraq/ Kuwait Observation Mission in the aftermath of the First Gulf War. He has been recognised internationally by France and the United Nations, receiving the French Award Officer Ordre National du Merite and the UN Medal for International Peacekeeping respectively. Apart from military credentials from the Officer Cadet School in Portsea, Australia, the Australian Army Infantry Centre and the US Army Infantry Centre at Fort Benning, he also holds a Master of Science in Natural Resource and Strategy from the National Defense University in Washington DC and a Graduate Diploma in Strategy from the Australian Capital Accreditation Agency. Since his retirement, General Dato' Seri Panglima Mohd Azumi (Retired) has been appointed to the National Unity Advisory Panel and the board of several public-listed and private companies.

Lt. Col. Husin Bin Jazri (Retired), CISSP, CBCP
Director and Chief Executive Officer

Husin has served as Chief Executive Officer and Board Member since the inception of CyberSecurity Malaysia. When he joined the National ICT Security and Emergency Response Centre (NISER now known as CyberSecurity Malaysia) in 2000, he brought with him more than 20 years' experience in information and communications security from his service with the Malaysian Armed Forces' Signal Corps. Husin was a former Chairman of the Malaysia IT Security Association and the Asia Pacific Computer Emergency Response Team (APCERT). Among his current posts are Chairperson of the Organisation of Islamic Countries - Computer Emergency Response Team (OIC-CERT), and Chairman of the Malaysian Vocational Advisory Committee – Information and Communication Technology (ICT), Department of Skills Development, Ministry of Human Resources. Husin was awarded the prestigious (ISC)² Information Security Leadership Achievements (ISLA) Award 2009 for Exemplary Leadership and Dedications in Enhancing the IT Security Workforce (Category: Senior IT Security Professional).

Dato' Madinah Binti Mohamad
Director

Dato' Madinah was appointed to the Board in July 2009. She is the Secretary General of the Ministry of Science, Technology and Innovation and is at the forefront of efforts to implement the Government's Biotechnology Policy, IT Policy and the National Science, Technology and Innovation Policy. She has served the public throughout her career, beginning with a posting as an Administrative and Diplomatic Officer with the Ministry of Foreign Affairs in 1981 and subsequent promotions to the Public Service Department, the Ministry of National and Rural Development, the Ministry of Works, and the National Unity and Integration Department.

Dato' Madinah holds a Bachelor's degree in Political Science from Universiti Sains Malaysia (USM) and a Masters in Human Resource Development from Universiti Putra Malaysia (UPM).

Datuk Dr Abdul Raman Bin Saad
Director

Datuk Dr Abdul Raman was appointed to the Board in June 2009. An advocate and solicitor since 1977, he had served with the Malaysian Judicial and Legal Service in various capacities such as Magistrate, Deputy Public Prosecutor and Assistant Director of Legal Aid before going into private practice. He is today acknowledged as one of the most experienced legal advisors in the areas of corporate and commercial law, information and communication technology law and Shariah Finance. He is the co-head of ARSA Lawyers Shariah Finance Law Department and an advisor for eMedina, an e-government initiative in Saudi Arabia.

Datuk Dr Abdul Raman holds an Honours Degree in Law from the University of Singapore and a Masters Degree in Law (with specialisation in Electronic Law) from the University of Melbourne, Australia. He also holds a Doctorate degree in Business Administration from Midwest Missouri University, USA. He is a director of Technical University Malaysia Melaka (UTEM).

Board Members Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Haji Abang Abdul Wahap Bin Haji Abang Julai
Director

Datuk Haji Abang Abdul Wahap was appointed to the Board in May 2009. He had a distinguished career with the Royal Malaysian Police over 37 years, retiring as the Director of Narcotics Crime Investigation Department in 2007. He had also served as Deputy Director of Management in Training at Bukit Aman Headquarters Kuala Lumpur and Deputy Commissioner of Police for Sarawak. For his service, he was conferred the 'Pingat Panglima Gagah Pasukan Polis', the highest award for police officers. He is presently serving as Independent non executive director to a few companies in Sarawak and is very much involved in Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak Contingent.

Datuk Haji Abang Abdul Wahap holds a Bachelor of Law from the International Islamic University of Malaysia (IIUM) and an Advanced Diploma in Police Science from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ir. Md. Shah Nuri Bin Md. Zain
Director

Ir Md Shah Nuri was appointed to the Board in April 2008. He is the Under Secretary to the Cyber and Space Security Policy Division of the National Security Council at the Prime Minister's Department. He has served the Government for more than 20 years, first as a Research Fellow with MIMOS Bhd, then as an engineer with the Public Works Department under the Ministry of Works.

Ir Md Shah Nuri holds a Bachelor of Science in Electrical Engineering from the Connecticut State University in the United States.

Rubaiah Binti Hashim
Director

Puan Rubaiah was appointed to the Board in April 2008. She is the Under Secretary to the Communications Division (Infrastructure, Applications & Technology) of the Ministry of Information, Communications and Culture. She has served the Government for more than 25 years in various capacities including as systems analyst to both the Ministry of Public Enterprise and Ministry of Education, then as Principal Assistant Secretary and later Under Secretary to the Communications Division (Infrastructure & Electronic Applications) of the Ministry of Energy, Water and Communications.

Puan Rubaiah holds a Bachelor of Science Honours Degree in Mathematics and IT Applications from the University of Wales Institute of Science and Technology (UWIST), in the United Kingdom.

Rohani Binti Mohamad
Director

Puan Rohani was appointed to the Board in January 2010. She is a Deputy Under Secretary in the Information Technology Management Division of the Ministry of Finance, Malaysia. A civil servant for more than 25 years, she has been attached to the ICT Security Division of the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) at the Prime Minister's Department, the Information Technology Section and Multimedia Super Corridor Unit of the Procurement Management Division at Treasury Malaysia, the Ministry of Land and Cooperative Development and the Economic Planning Unit (EPU).

Puan Rohani holds a Bachelor of Science in Statistics and Operations Research from the Institute of Science and Technology, University of Manchester, United Kingdom and a Diploma in System Analysis from Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Lembaga Pengarah

* Dato' Madinah binti Mohamad and Datuk Dr Abdul Rahman bin Saad are not in this photograph.
* Dato' Madinah binti Mohamad dan Datuk Dr Abdul Rahman bin Saad tiada di dalam gambar ini.

Jeneral Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Bin Mohamed (Bersara)
Pengerusi

Jeneral Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada Julai 2009. Seorang pegawai tentera dengan kerjaya ketenteraan cemerlang selama 37 tahun, perkhidmatannya bersama Angkatan Tentera Malaysia merangkumi pelbagai kapasiti termasuk sebagai Komander Briged Payung Terjun ke-10, Komander Bahagian Infantri Pertama dan Panglima Angkatan Tentera sebelum bersara pada Disember 2004. Semasa berkhidmat, beliau turut berkhidmat dengan Misi Permerhati Iraq/Kuwait Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas Perang Teluk Pertama. Beliau diberi pengiktirafan antarabangsa oleh Perancis dan PBB, menerima anugerah French Award Officer Ordre National du Merite dan Pingat PBB untuk Pengamanan Antarabangsa. Selain kelulusan ketenteraan daripada Officer Cadet School di Portsea, Australia, Australian Army Infantry Centre dan US Army Infantry Centre di Fort Benning, beliau juga memiliki Sarjana Sains Sumber Alam dan Strategi dari National Defense University di Washington DC dan Diploma Ijazah Strategi dari Australian Capital Accreditation Agency. Sejak bersara, Jeneral Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara) dilantik sebagai ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara dan ahli lembaga beberapa syarikat senarai awam dan swasta.

Lt. Kol. Husin Bin Jazri (Bersara), CISSP, CBCP
Pengarah & Ketua Pegawai Eksekutif

LT. Kol. Husin bin Jazri (Bersara) berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga sejak penubuhan CyberSecurity Malaysia. Apabila menyertai Pusat Tindak balas Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan (NISER kini dikenali sebagai CyberSecurity Malaysia) pada 2000, beliau membawa bersama lebih 20 tahun pengalaman di dalam bidang keselamatan maklumat dan komunikasi melalui perkhidmatannya dengan Signal Corps Angkatan Tentera Malaysia. Beliau merupakan mantan Pengerusi Persatuan Keselamatan IT Malaysia dan Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT). Di antara jawatan yang dipegangnya kini adalah Pengerusi Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer - Organisasi Persidangan Islam (OIC-CERT), dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Vokasional Malaysia – Informasi dan Teknologi Maklumat (ICT), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Beliau dianugerahkan pengiktirafan berprestij (ISC)² Information Security Leadership Achievements (ISLA) Award 2009 for Exemplary Leadership and Dedications in Enhancing the IT Security Workforce (Category: Senior IT Security Professional).

*** Dato' Madinah Binti Mohamad**
Pengarah

Dato' Madinah binti Mohamad dilantik sebagai Pengarah Lembaga pada Julai 2009. Beliau adalah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Innovasi dan penggiat utama di dalam usaha pelaksanaan Dasar Bioteknologi, Dasar IT dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Kebangsaan. Sepanjang kerjayanya, beliau berpengalaman sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Luar Negeri pada 1981 sebelum dinaikkan pangkat ke Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional.

Dato' Madinah adalah pemegang Sarjana Muda Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

*** Datuk Dr Abdul Raman Bin Saad**
Pengarah

Datuk Dr Abdul Raman bin Saad dilantik menganggotai Lembaga pada Jun 2009. Seorang peguambela dan peguamcara sejak 1977, beliau memiliki pengalaman luas bertugas dengan Khidmat Undang-Undang dan Kehakiman Malaysia sebagai Majistret, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Pengarah bagi Bantuan Guaman sebelum menjadi pengamal persendirian. Beliau diiktiraf sebagai antara penasihat undang-undang berberpengalaman luas di bidang undang-undang korporat dan perdagangan, undang-undang teknologi maklumat dan komunikasi serta Kewangan Syariah. Beliau adalah Ketua bersama Jabatan Kewangan Syariah Peguam-Peguam ARSA dan penasihat untuk eMedina, sebuah inisiatif e-kerajaan di Arab Saudi.

Datuk Dr Abdul Raman bin Saad adalah pemegang Ijazah dengan Kepujian Undang-Undang dari University of Singapore dan Sarjana Undang-Undang (dengan pengkhususan Undang-Undang Elektronik) dari University of Melbourne, Australia. Beliau juga merupakan pemegang ijazah kedoktoran jurusan Pentadbiran Perniagaan dari Midwest Missouri University, Amerika Syarikat. Beliau turut menjadi pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Datuk Haji Abang Abdul Wahap Bin Haji Abang Julai
Pengarah

Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai dilantik ke dalam Lembaga pada Mei 2009. Beliau memiliki kerjaya cemerlang bersama Polis Diraja Malaysia selama 37 tahun sebelum bersara sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik pada 2007.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Latihan Dalam Pengurusan di Ibu Pejabat Bukit Aman Kuala Lumpur dan Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak. Sebagai menghargai perkhidmatannya, beliau dianugerahkan 'Pingat Panglima Gagah Pasukan Polis', anugerah tertinggi untuk pegawai-pegawai polis.

Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Bebas bukan eksekutif untuk beberapa syarikat di Sarawak dan aktif dengan Kontinjen Sarawak Sukan Malaysia (SUKMA)

Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai adalah pemegang Ijazah Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan Diploma Lanjutan Sains Polis dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ir Md Shah Nuri Bin Md Zain
Pengarah

Encik Ir Md Shah Nuri bin Md Zain dilantik menganggotai Lembaga pada April 2008. Beliau adalah Setiusaha Kedua di Bahagian Dasar Keselamatan Angkasa dan Siber di bawah Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan lebih 20 tahun sebagai Felo Penyelidikan untuk MIMOS Bhd, diikuti sebagai jurutera di Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya.

Encik Ir Md Shah Nuri adalah pemegang Ijazah Sains Kejuruteraan Elektrik dari Connecticut State University, Amerika Syarikat.

Rubaiah Binti Hashim
Pengarah

Puan Rubaiah binti Hashim dilantik menyertai Lembaga pada April 2008. Beliau adalah Setiusaha Kedua di Bahagian Komunikasi (Prasarana, Aplikasi & Teknologi) Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan selama lebih 25 tahun dalam pelbagai kapasiti termasuk penganalisis sistem bagi Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Pelajaran, kemudian sebagai Pembantu Setiausaha Prinsipal dan diikuti Setiausaha Rendah kepada Bahagian Komunikasi (Prasarana dan Aplikasi Elektronik) Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Puan Rubaiah binti Hashim adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian jurusan Matematik dan Aplikasi IT dari University of Wales Institute of Science and Technology (UWIST), United Kingdom.

Rohani Binti Mohamad
Pengarah

Puan Rohani binti Mohamad dilantik menganggotai Lembaga pada Januari 2010. Beliau adalah Setiausaha Kedua di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat di Kementerian Kewangan. Berkhidmat sebagai pegawai awam selama lebih 25 tahun, beliau ditempatkan di Bahagian Keselamatan ICT di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Teknologi Maklumat dan Unit Koridor Raya Multimedia di Bahagian Pengurusan Pentadbiran, Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

Puan Rohani binti Mohamad adalah pemegang ijazah Sarjana Muda jurusan Statistik dan Penyelidikan Operasi dari Institute of Science and Technology, University of Manchester, United Kingdom dan Diploma Analisis Sistem dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Cyber999

WHAT IS CYBER999

Cyber999 is a service offered by CyberSecurity Malaysia to handle computer security incidents faced by Malaysian internet users.

Securing Our Cyberspace

Mode of reporting

Web Reporting
http://www.mycert.org.my/report_incidents/online_form.html

Report via Telephone
Hotline: 1300 - 88 - 2999

Report via Handphone
Handphone No: 019 - 2665850

Report via SMS
Handphone No: 019 - 2813801

Report via Fax
Fax No: +603 - 8945 3442

Report via Email
Email Address: cyber999@cybersecurity.my

CYBER999 FUNCTIONS

- Analyze, detect and contain incidents faced by computer/internet users from further propagating.
- Provide recovery and eradication steps to recover from the incidents.
- Provide preventive measures in order to prevent from future incidents.
- Provide fixes, patches, upgrades information for to secure users computers.
- Provide post-incident follow ups with the complainants.
- Assist in communicating/escalating users reports to third-parties, i.e Law Enforcement Agencies for further investigation, if necessary.

REPORTS/PROBLEMS/INCIDENTS THAT CAN BE REPORTED TO CYBER999

- Intrusion
- Denial of Service
- Hack Threats
- Harassment
- Fraud
- Spam
- Malicious Code

INFORMATION THAT MUST BE INCLUDED IN THE REPORT TO CYBER999

- Brief description of the incident.
- Symptoms of the incident.
- Date and time of the incident occurrence.
- Actions that have been taken to resolve the incident.
- Email full header, if any.
- Log files, if any.
- Your contact details in order for us to call or email you back.

The reporting hours are:

i. 24x7 for Handphone, SMS, Web and Email Reporting
ii. Mon - Fri, 8:30 am - 5:30 pm for Telephone and Fax Reporting

Best Brand Internet Security 2008 & 2009

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005 CERT NO. : AR4656

CyberSecurity MALAYSIA
An agency under MOSTI

MOSTI
Ministry of Science, Technology and Innovation

Management Committee Jawatankuasa Pengurusan

Lt. Col. Husin Bin Jazri (Retired), CISSP, CBCP
Chief Executive Officer

As Chief Executive Officer, Husin has been at the helm of CyberSecurity Malaysia since its inception. He is a Certified Business Continuity Professional (CBCP) by Disaster Recovery Institute (DRI), USA; a Certified Information Systems Security Professional (CISSP) by the International Information Systems Security Certification Consortium Inc. (ISC)².; and a member of the Board of the (ISC)². He is a recipient of the prestigious (ISC)² Information Security Leadership Achievements (ISLA) Award 2009 for Exemplary Leadership and Dedication in Enhancing the IT Security Workforce (Category: Senior IT Security Professional). Husin holds a Bachelor's Degree in Engineering from University of Hartford, Connecticut, USA; a Post Graduate Diploma in System Analysis from Universiti Teknologi MARA (UiTM); a Master of Science with Distinction in Information Security from Royal Holloway University of London, UK; and a Master in Business Administration from Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketua Pegawai Eksekutif
Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Husin telah berada dalam pucuk pimpinan CyberSecurity Malaysia sejak ia ditubuhkan. Beliau adalah pemegang Sijil Profesional Kesinambungan Perniagaan (CBCP) oleh Disaster Recovery Institute (DRI), Amerika Syarikat; Sijil Profesional Keselamatan Sistem Maklumat (CISSP) oleh International Information Systems Security Certification Consortium Inc. (ISC)².; dan ahli Lembaga (ISC)². Beliau juga adalah penerima anugerah berprestij (ISC)² Information Security Leadership Achievements (ISLA) Award 2009 for Exemplary Leadership and Dedications in Enhancing the IT Security Workforce (Category: Senior IT Security Professional). Husin adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of Hartford, Connecticut, Amerika Syarikat; Diploma Lepasan Ijazah Sistem Analisis dari Universiti Teknologi MARA (UiTM); Sarjana Sains dengan Kepujian di dalam Keselamatan Maklumat dari Royal Holloway University of London, United Kingdom; dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Zahri Bin Yunos
Chief Operating Officer

Zahri has been appointed as the Chief Operating Officer since 2007. Zahri was actively involved in the establishment of NISER (National ICT Security and Emergency Response Centre)'s Panel of Experts (POE) and the Organisation of Islamic Conference-Computer Emergency Response Team (OIC-CERT), which boosted Malaysia's International image in cyber security. Zahri is a key person in ensuring the successful delivery of various achievements attained by CyberSecurity Malaysia. He is a certified Associate Business Continuity Professional (ABCP) by the Disaster Recovery Institute International (DRII), USA. Zahri holds a Master of Science in Electrical Engineering from Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and a Bachelor of Science in Computer Science from Fairleigh Dickinson University, New Jersey, USA.

Ketua Pegawai Operasi
Zahri telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi sejak tahun 2007. Zahri secara aktif terlibat di dalam pembentukan Panel Pakar (POE) NISER (Pusat Tindak balas Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan) dan Persidangan Pertubuhan Islam-Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer (OIC-CERT), yang melonjakkan imej Malaysia di persada antarabangsa di dalam bidang keselamatan siber. Zahri merupakan teraju utama di dalam memastikan pelbagai kejayaan yang dikecapi oleh CyberSecurity Malaysia. Beliau memiliki Sijil Profesional Bersekutu Kesinambungan Perniagaan (ABCP) oleh Disaster Recovery Institute International (DRII), Amerika Syarikat. Beliau juga memegang Sarjana Sains Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Sarjana Muda Sains Komputer Sains dari Fairleigh Dickinson University, New Jersey, Amerika Syarikat.

Mohd Roslan Bin Ahmad
Head, Corporate Services Division

Mohd. Roslan has led the Corporate Services Division since 2007 with a portfolio that includes the departments of Finance, Administration & Physical Security, Procurement, and Knowledge Resource Centre. He is a certified Safety and Health Officer (SHO) from the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia. Mohd. Roslan holds a Master of Management from Open University Malaysia (OUM), a Bachelor of Science in Civil Engineering from University of Hartford, Connecticut, USA and a Post Graduate Diploma in System Analysis from University Technology MARA (UiTM).

Ketua, Bahagian Khidmat Korporat
Mohd Roslan telah memimpin Bahagian Perkhidmatan Korporat sejak 2007 dengan portfolio yang meliputi jabatan-jabatan Kewangan, Pentadbiran & Keselamatan Fizikal, Perolehan, dan Pusat Sumber Ilmu. Beliau adalah Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) bertauliah dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Malaysia. Mohd Roslan adalah pemegang Sarjana Pengurusan dari Open University Malaysia (OUM), Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil dari University of Hartford, Connecticut, Amerika Syarikat dan Diploma Lepasan Ijazah Analisis Sistem dari University Technology MARA (UiTM).

Mohd Shamir Bin Hashim
Head, Cyber Security Research & Policy Division

Mohd. Shamir has been the Head of Cyber Security Policy Research Division since 2007. He is a core member of the secretariat team to implement Malaysia's National Cyber Security Policy (NCSP) and also a national committee that mitigates cyber media incidences. He was involved in the establishment of the Organisation of Islamic Conference – Computer Emergency Response team (OIC-CERT). Mohd. Shamir is a certified Professional in Critical Infrastructure Protection from the Critical Infrastructure Institute, Canada. He holds a Bachelor of Science in Civil Engineering from the University of Missouri-Kansas City, USA.

Ketua, Bahagian Penyelidikan Keselamatan Siber dan Dasar
Mohd Shamir telah menjadi Ketua Bahagian Penyelidikan Polisi Keselamatan Siber sejak 2007. Beliau adalah orang kuat pasukan secretariat untuk melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional (NCSP dan juga jawatankuasa kebangsaan yang mengurangkan insiden media siber. Beliau terlibat di dalam penubuhan Persidangan Pertubuhan Islam-Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer (OIC-CERT). Mohd. Shamir adalah ahli Profesional bertauliah Perlindungan Prasarana Kritikal dari Critical Infrastructure Institute, Kanada. Beliau memiliki Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Sivil dari University of Missouri-Kansas City, Amerika Syarikat.

Roshdi Bin Ahmad
Head, Strategy Management Division

Roshdi has been with CyberSecurity Malaysia since 2007 and now leads four departments which include Corporate Planning & Strategy, Corporate Event, PR & Protocol, Corporate Branding & Media Relations, and Innovation & Commercialisation. He has managed and secured various large ICT projects and has vast experience in different disciplines particularly in corporate strategy, marketing and operations. He holds a Bachelor's Degree (Hons) in Business Studies (Marketing) from Universiti Teknologi MARA (UiTM) and a Diploma in Agribusiness from Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketua, Bahagian Pengurusan Strategi
Roshdi telah bersama CyberSecurity Malaysia sejak 2007 dan kini mengetuai empat jabatan termasuk Perancangan Korporat dan Strategi; Majlis Korporat, PR & Protokol; Penjenamaan Korporat dan Perhubungan Media; dan Inovasi dan Pengkomersilan. Beliau telah menguruskan dan memperoleh pelbagai projek ICT dan mempunyai pengalaman yang luas di dalam disiplin-disiplin yang berlainan terutamanya strategi korporat, pemasaran dan operasi. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Perniagaan (Pemasaran) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Diploma Perniagaan Tani dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Management Committee Jawatankuasa Pengurusan

Dr. Solahuddin Bin Shamsuddin
Head, Security Quality Management Division

Dr. Solahuddin leads the Security Quality Management Services Division which includes the departments of Security Assurance, Security Management & Best Practices, Research Coordination, and Cyber Consulting Group. He was one of the pioneers of cyber security efforts in NISER (National Information Communication Technology Security Emergency Response Centre). He holds a PhD in Computer Science from University of Bradford, UK, a Degree in Electrical Engineering from Wichita State University, Kansas, USA and a Post Graduate Diploma in System Analysis from Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Ketua, Bahagian Pengurusan Keselamatan Kualiti
Dr. Solahuddin mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Kualiti Keselamatan yang merangkumi jabatan-jabatan Jaminan Keselamatan, Pengurusan Keselamatan & Amalan Terbaik, Koordinasi Penyelidikan, dan Kumpulan Perunding Siber. Beliau merupakan salah seorang perintis di dalam usaha keselamatan siber di NISER (Pusat Tindak balas Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan). Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran Sains Komputer dari University of Bradford, United Kingdom, Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari Wichita State University, Kansas, Amerika Syarikat dan Diploma Lepasan Ijazah Analisis Sistem dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Jailani Bin Jaafar
Head, Legal and Secretarial Department / Company Secretary

As Head of Legal & Secretarial department since August 2007, Jailany is responsible for all legal and secretarial matters of the company and in advising the management on legal and company secretarial matters. An Advocate and Solicitor (non-practicing) of the High Court of Malaya and a licensed Company Secretary, Jailany holds a Bachelor of Laws (Hons) from Universiti Malaya (UM).

Ketua, Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan / Setiausaha Syarikat
Sebagai Ketua Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan sejak Ogos 2007, Jailany bertanggungjawab ke atas semua hal berkenaan undang-undang dan kesetiausahaan syarikat dan menasihatkan pengurusan tentang undang-undang dan kesetiausahaan. Mempunyai latar belakang Perundangan dan Setiausaha Syarikat yang Berlesen, Jailany adalah pemegang Ijazah Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM).

Adli Bin Abd Wahid
Head, MyCERT Department

Head of the Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) since 2007, Adli also leads the Cyber999 Help Centre as well as the CyberSecurity Malaysia Malware Research Centre. He has been actively involved in numerous global computer security initiatives and has spoken at various computer security forums worldwide. Adli was an honouree of the (ISC)² Information Security Leadership Achievement (ISLA) Award in the IT Security Practitioner category in 2009. He holds a Master of Science in Computer Science specialising in Software Engineering.

Ketua, Jabatan MyCERT
Ketua Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer sejak 2007, Adli juga mengetuai Pusat Bantuan Cyber999 serta Pusat Penyelidikan Malware CyberSecurity Malaysia. Beliau terlibat secara aktif di dalam pelbagai inisiatif keselamatan komputer global dan telah berucap di pelbagai forum keselamatan komputer di seluruh dunia. Adli merupakan Penerima (ISC)² Information Security Leadership Achievement (ISLA) Award di dalam kategori Pengamal Keselamatan IT pada 2009. Beliau adalah pemegang Sarjana Sains Komputer Sains di dalam pengkhususan Kejuruteraan Perisian.

Aswami Fadillah Bin Mohd Ariffin
Head, Digital Forensics Department

Aswami who is an honoree of the prestigious (ISC)² Information Security Leadership Achievement (ISLA) Award is one of the pioneers of CyberSecurity Malaysia. Aswami has been entrusted to lead the Digital Forensics Department since year 2006. He has handled more than 1000 cases including some of the high profile ones. He is a GIAC Certified Forensics Analyst (GCFA), Certified Wireless Security Professional (CWSP) and a Certified Ethical Hacker (CEH). Aswami holds a Degree in Electronics Engineering from the University of Liverpool, UK and a Master in Management from Universiti Malaya.

Ketua, Jabatan Forensik Digital
Aswami yang merupakan penerima anugerah berprestij (ISC)² Information Security Leadership Achievement (ISLA) adalah salah seorang perintis CyberSecurity Malaysia. Aswami diamanahkan untuk mengetuai Jabatan Forensik Digital sejak 2006. Beliau telah menangani lebih 1000 kes termasuk yang berprofil tinggi. Beliau adalah Penganalisis Forensik GIAC Bertauliah (GCFA), Ahli Profesional Bertauliah Keselamatan Tanpa Wayar, (CWSP) dan Penggodam Etika Bertauliah (CEH). Aswami memiliki Ijazah Kejuruteraan Elektrik dari University of Liverpool, United Kingdom dan Sarjana Pengurusan dari Universiti Malaya.

Mohd Anwer Bin Mohamed Yusoff
Head, Innovation & Commercialisation Deparment

The Head of Innovation & Commercialisation department since December 2008, Anwer has more than 20 years' experience in Enterprise Resource Planning, Supply Chain Management, Business Process Re-engineering, Malaysian telecommunications regulation, wireless broadband, and electronic commerce. He holds a Bachelor of Science in Aeronautical Engineering from Embry-Riddle Aeronautical University, Daytona Beach, Florida, US.

Ketua, Jabatan Innovasi dan Komersial
Menjadi Ketua Jabatan Inovasi & Pemerdagangan sejak Disember 2008, Anwer mempunyai lebih 20 tahun pengalaman di dalam Perancangan Sumber Perusahaan, Pengurusan Rangkaian Bekalan, *Business Process Re-engineering*, Peraturan Telekomunikasi Malaysia, Jalur Lebar Wayarles, dan Perdagangan Elektronik. Beliau memiliki Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Aeronautik dari Embry-Riddle Aeronautical University, Daytona Beach, Florida, US.

Razman Azrai Bin Zainudin
Head, Corporate Planning & Strategy

Newly appointed as Head of Corporate Planning & Strategy, Razman has 15 years of experience in the ICT industry, leading ICT consultation services to key companies in the Asia Pacific region. He was a member of the National Strategic ICT Roadmap Technical Committee and currently is a member of MOSTI KPI working committee. Razman is also CyberSecurity Malaysia's secretariat to the Management Committee. He holds a Bachelor of Science in Management Science & Information Systems from University in Rhode Island, USA and MBA from Staffordshire University, United Kingdom.

Ketua, Perancangan Korporat & Strategi
Baru dilantik sebagai Ketua Perancangan Korporat & Strategi, Razman mempunyai 15 tahun pengalaman di dalam bidang ICT, menerajui perkhidmatan perundingan ICT untuk syarikat-syarikat penting di kawasan Asia Pasifik. Beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal Hala Tuju Strategik ICT Nasional dan kini menjadi ahli jawatankuasa kerja MOSTI KPI. Razman juga adalah sekretariat untuk Jawatankuasa Pengurusan CyberSecurity Malaysia. Beliau adalah pemegang Sarjana Muda Sains Pengurusan Sains & Sistem Maklumat dari University in Rhode Island, Amerika Syarikat dan *MBA* dari Staffordshire University, United Kingdom.

Foreword by the CEO

As we look back and review 2009, it is pertinent to consider the viral growth of the internet over the past 20 years and the role cyber security plays in its rapid development. The internet and the cyber world are arguably the defining phenomena of the present age. Their influence is pervasive, touching every facet of our lives to the extent that many of us live as much in that alternative reality as we do in the *'real world'*.

Two decades ago at a time when Malaysians first heard of the word 'internet', there were only four million internet users worldwide. By 2000, this figure had multiplied to 360 million. Today, according to *internetworldstats.com*, more than 1.7 billion people in every inhabited corner of the world go online on a regular basis.

Such exponential growth would never have been possible without the assurance and confidence provided to users via cyber security. It is very much like a silent sentinel that watches and

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

MENGIMBAU dan mengimbas tahun 2009, kita tidak dapat lari daripada memperkatakan pertumbuhan pantas Internet sepanjang 20 tahun kebelakangan ini dan peranan yang dimainkan keselamatan siber sejajar perkembangannya. Internet dan dunia siber ini adalah fenomena paling mengujakan abad ini. Pengaruhnya nyata membuak, menyentuh segenap ruang kehidupan kita sehingga sebahagian besar daripada kita hidup dalam realiti alternatif itu sepertimana kita melakukannya di dunia sebenar.

Ketika rakyat Malaysia pertama kali mendengar perkataan `internet' dua dekad lalu, pengguna internet di seluruh dunia hanya berjumlah empat juta orang. Menjelang tahun 2000, angka ini berganda kepada 360 juta. Hari ini, *internetworldstats.com* melaporkan lebih 1.7 bilion pengguna dari seluruh pelosok dunia menggunakan internet secara kerap.

Pertumbuhan pesat seperti itu mustahil dicapai tanpa jaminan dan keyakinan yang diberi kepada pengguna menerusi keselamatan siber. Ia boleh

protects us from threats seen and unseen as we go about our daily business. Cyber security is irrevocably linked to the future of the internet and its inherent cyber world.

Likewise in Malaysia, cyber security provides the platform for the growth of the internet and supports the development of information and communication technologies (ICT). It is an essential component of our online culture.

As a reflection of Malaysia's prominence in this field, we are currently the Chair for OIC-CERT (Organisation of Islamic Conference – Computer Emergency Response Team), a collaboration between the OIC member countries to share knowledge, expertise and cooperate on cyber security. I am proud to note that we are playing a leadership role in this area.

Domestically, I am pleased to state that the level of cyber security has seen significant improvement particularly in the last three years since we intensified our cyber security awareness campaign. It is gratifying that growing awareness of cyber threats has also translated into interest in mitigating the risk. For example, there is now much greater management commitment to ensure that cyber security is part of every CEO's list of priorities in both the public as well as private sectors.

Success on this score provides the impetus for us to intensify our awareness campaign on cyber security. In the coming years, we will continue targeting schoolchildren for our awareness campaign as they will eventually form the backbone of our nation, its economy and society. As they say, prevention is always better than cure.

diibaratkan penjaga senyap yang memerhati dan melindungi kita daripada ancaman, baik yang boleh dilihat mahu pun sebaliknya sepanjang kita menjalani urusan seharian. Keselamatan siber adalah jambatan penghubung masa depan internet dan dunia siber.

Seperti juga di Malaysia, keselamatan siber menyediakan landasan bagi perkembangan internet dan menyokong pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ia adalah komponen penting bagi budaya dalam talian kita.

Mengimbas ketrampilan Malaysia dalam bidang ini, ketika ini kita menduduki Kerusi OIC-CERT (Persidangan Pertubuhan Islam - Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer) iaitu usahasama di kalangan negara anggota OIC untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan bekerjasama membabitkan aspek keselamatan siber. Saya bangga menyatakan bahawa kami memainkan peranan utama dalam perkara ini.

Di peringkat domestik, sukacita saya nyatakan bahawa tahap keselamatan siber menampakkan peningkatan ketara, terutama dalam tempoh tiga tahun kebekalangan ini sejak kami merancakkan kempen kesedaran keselamatan siber. Kesedaran meninggi terhadap ancaman siber turut diterjemah menjadi keinginan untuk mengurangkan risikonya. Sebagai contoh, komitmen pihak pengurusan dalam memastikan keselamatan siber menjadi sebahagian daripada senarai keutamaan CEO sektor awam dan swasta ketika ini adalah jauh lebih tinggi.

Kejayaan dalam aspek ini memberi kami lonjakan untuk meningkatkan kempen kesedaran terhadap keselamatan siber. Dalam tahun-tahun mendatang, kami akan terus meletakkan pelajar sekolah sebagai sasaran kempen kesedaran kerana di akhirnya, mereka akan menjadi tunjang negara, baik ekonomi mahupun masyarakatnya. Seperti yang kerap dikatakan, mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Yet, despite our best efforts at prevention, it is inevitable that there will be cyber crime. After all, crime is a natural by-product of any successful and profitable industry. Today, cyber crime has developed an underground economy for commercial and industrial espionage. This is a development that we are becoming increasingly vigilant over, being the nation's principal cyber security agency and leading cyber crimefighter.

That said, the situation in Malaysia remains manageable and within the threshold limits, notwithstanding the 68% increase of security incidents referred to Cyber999 Help Centre in 2009 compared to the previous year. The bulk of these incidents involved relatively minor infractions such as denial of service, malware attacks, online harassment and fraud.

In this regard, I take pleasure in mentioning the successful launch in July 2009 of our Cyber999 Help Centre, as well as the Cyber Security Malaysia Malware Research Centre in December the same year. These services and facilities serve to reinforce a robust and resilient cyber security framework necessary for the sustained growth of Malaysia's ICT industry, and in particular, the Multimedia Super Corridor (MSC Malaysia).

"Yet, despite our best efforts at prevention, it is inevitable that there will be cyber crime. After all, crime is a natural by-product of any successful and profitable industry. Today, cyber crime has developed an underground economy for commercial and industrial espionage."

In addition, I am pleased to state that there has been significant progress in the growth and development of local cyber security products and services over the past few years. Indeed, I am given to understand that the number of domestic players in this field multiplied three-fold in 2009. While many are small and medium-sized enterprises, several have gone public with listing on Bursa Malaysia.

It is heartening to note that many local cyber security companies are exporting their products and services overseas, especially to the predominantly consumer markets of the OIC member countries. The global market for cyber security is reportedly worth an estimated US$60 billion and is expected to post impressive growth rates in the coming years. Gaining market access and securing market share is the domestic industry's goal moving forward and forms one of the objectives of the 10th Malaysia Plan.

The emergence of digital security among Malaysian companies has also led to greater creativity and innovation in local content for cyber security. We are starting to see new and innovative biometrics solutions and access controls that are proudly 'Made

Sehebat mana sekalipun usaha kami dalam mencegah, jenayah siber memang tidak dapat dielak. Tambahan pula, jenayah adalah produk sampingan mana-mana industri yang menempa kejayaan dan keuntungan. Hari ini, jenayah siber telah membentuk ekonomi bawah tanah bagi pengintipan komersial dan industri. Ini adalah perkembangan yang kami awasi dengan penuh ketelitian, seiring fungsi kami sebagai agensi keselamatan siber utama negara dan peneraju anti jenayah siber.

Namun demikian, situasi di Malaysia kekal terurus dan berada di dalam batas kawalan walaupun berlaku peningkatan 68% dari segi insiden keselamatan yang dirujuk kepada Pusat Bantuan Cyber999 pada 2009 berbanding tahun sebelumnya. Sebahagian besar daripada aduan ini membabitkan pelanggaran undang-undang kecil seperti perkhidmatan terhalang, serangan malware, gangguan dalam talian dan penipuan.

Susulan itu, saya ingin menyentuh kejayaan Pusat Bantuan Cyber999 yang dilancarkan pada Julai 2009 dan Pusat Kajian Malware CyberSecurity Malaysia pada tahun sama. Perkhidmatan dan kemudahan ini bermatlamat membentuk kerangka keselamatan siber yang mantap dan berdaya tahan yang diperlukan bagi menjamin pertumbuhan mapan industri ICT Malaysia dan Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia).

Sebagai tambahan, sukacita saya ingin maklumkan bahawa terdapat kemajuan yang signifikan dari segi pertumbuhan dan pembangunan produk serta perkhidmatan keselamatan siber tempatan sejak beberapa tahun lalu. Malah, saya difahamkan bilangan penggerak domestik dalam bidang ini bertambah tiga kali ganda pada 2009. Walaupun kebanyakannya adalah perusahaan bersaiz kecil dan sederhana, namun ada beberapa syarikat yang telah tersenarai di Bursa Malaysia.

Melihat akan banyaknya syarikat keselamatan siber tempatan yang mengeksport produk dan perkhidmatan mereka ke luar negara adalah sesuatu yang menggembirakan, terutama ke negara OIC yang mempunyai pasaran kepenggunaan tinggi. Nilai pasaran global bagi keselamatan siber dilaporkan dalam anggaran AS$60 bilion dan dijangka mencatat kadar pertumbuhan memberangsangkan pada tahun-tahun mendatang. Sasaran industri domestik ialah mendapatkan akses pasaran dan menjamin saham pasaran untuk terus ke hadapan dan membentuk satu daripada matlamat Rancangan Malaysia Ke-10.

Kemunculan keselamatan digital di kalangan syarikat Malaysia turut membawa kepada daya kreativiti dan inovasi lebih cemerlang dari segi kandungan tempatan bagi keselamatan siber. Kami mulai melihat penyelesaian biometrik dan kawalan akses baru serta inovatif yang dengan bangganya memaparkan `Buatan Malaysia'.

“Sehebat mana sekalipun usaha kami dalam mencegah, jenayah siber memang tidak dapat dielak. Tambahan pula, jenayah adalah produk sampingan mana-mana industri yang menempa kejayaan dan keuntungan. Hari ini, jenayah siber telah membentuk ekonomi bawah tanah bagi pengintipan komersial dan industri.”

in Malaysia'.

As an agency of the Government and a leader in the field, CyberSecurity Malaysia continues to play a backend role in supporting the industry. During the year under review, CyberSecurity Malaysia was also allocated some funds for the disbursement of financial assistance to stimulate the local industry under the Second Economic Stimulus Package (ESP2). In this regard, we played a critical role in bringing together established and emerging players in a consortium so they can pool their resources and efforts while learning from each other and tapping on one another's strengths.

Looking ahead, we will continue to focus on professional development of cyber security professionals to ensure we have a sufficient pool of talent to secure our cyber space as well as for the export of talent and services abroad.

We are confident of tapping into new growth areas by exploiting our collaborations at international level. Currently, we cooperate and collaborate with 71 countries including the member nations of OIC and the Asia Pacific Rim.

Our immediate goal is for Malaysia as a nation to be self-reliant in the area of cyber security.

Lt. Col. Husin Bin Jazri (Retired), CISSP, CBCP
Director and Chief Executive Officer
CyberSecurity Malaysia

Sebagai agensi Kerajaan dan peneraju dalam bidang ini, CyberSecurity Malaysia terus berperanan sebagai tulang belakang yang menyokong industri. Sepanjang tahun penilaian, CyberSecurity Malaysia turut memperuntukkan sejumlah dana bagi pengagihan bantuan kewangan ke arah merangsang industri tempatan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (ESP2). Dalam perkara ini, kami memainkan peranan kritikal ke arah menyatukan penggerak terkemuka dan baru dalam konsortium supaya mereka dapat menggabungkan sumber dan usaha, selain saling mempelajari dan mencungkil kekuatan sesama sendiri pada masa sama.

Mencongak langkah ke depan, kami akan terus memberi perhatian terhadap pembangunan profesional pakar keselamatan siber bagi memastikan kami mempunyai bilangan tenaga mencukupi untuk melindungi ruang siber, selain mengeksport kepakaran dan perkhidmatan ke luar negara.

Kami yakin untuk menembusi kawasan pertumbuhan baru dengan meneroka usahasama di peringkat antarabangsa. Ketika ini, kami menjalankan usahasama dan kerjasama dengan 71 negara termasuk negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan Lingkaran Asia Pasifik.

Matlamat terdekat kami ialah untuk menjadikan Malaysia negara yang bergantung sepenuhnya kepada keupayaan sendiri dalam bidang keselamatan siber.

Lt. Col. Husin Bin Jazri (Bersara), CISSP, CBCP
Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif
CyberSecurity Malaysia

Cyber Security Awareness For Everyone

(CyberSAFE)

www.cyberSAFE.my

Securing Our Cyberspace

Best Brand Internet Security 2008 & 2009

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT NO. : AR4656

CyberSecurity MALAYSIA

An agency under MOSTI

MOSTI
Ministry of Science, Technology and Innovation

INFORMATION SECURITY PROFESSIONAL DEVELOPMENT

SANS

CSSLP

CERTIFIED INFORMATION SYSTEMS SECURITY PROFESSIONAL
CISSP

SYSTEMS SECURITY CERTIFIED PRACTITIONER
SSCP

EC-Council

DRI MALAYSIA
the institute for continuity management

KRYTERION HOST LOCATION

IQT

Securing Our Cyberspace

Best Brand Internet Security 2008 & 2009

ISMS SIRIM
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT NO. : AR4656

CyberSecurity MALAYSIA
An agency under MOSTI

1Malaysia

MOSTI
Ministry of Science, Technology and Innovation

Operations Review

CyberSecurity Malaysia experienced one of its most interesting and challenging years in 2009 with the sustained threat to cyber security coming on top of a tentative world economy still reeling from the effects of the global financial crisis. Nevertheless, we persevered in addressing the cyber security needs of our clients and the nation while continuing to implement the programmes and projects set out in the 9th Malaysia Plan. We were given a boost as a fund recipient under the Second Economic Stimulus Package (ESP2) in our efforts to sustain the ICT security industry's contribution to the national economy. ESP2 also provided the support for us to enhance the collaboration between industry and government in securing the Critical National Information Infrastructure (CNII). During the year under review, we were successful in expanding our client base while encouraging service innovation to meet the rising challenges and demand for cyber security,

Since the establishment of CyberSecurity Malaysia in 2001, our services are now categorised into five areas of expertise or core services:

1. **Cyber Emergency Services**
   i. MyCERT – Cyber999
   ii. Digital Forensics – CyberCSI

2. **Security Quality Management Services**
   i. Security Management & Best Practices
   ii. Security Assurance Services
      - Malaysia ICT Security Evaluation Facilities (MySEF)
      - Malaysia Vulnerability Assessment Center (MyVAC)

3. **Malaysia Common Criteria Certification Body (MyCB)**

4. **Cyber Security Policy Research**
   i. Strategic Policy Research
   ii. Cyber Media Research
   iii. Policy Implementation Coordination

5. **InfoSecurity Professional Development & Outreach**
   i. InfoSecurity Professional Development
   ii. Outreach

Tinjauan Operasi

Tahun 2009 menyaksikan CyberSecurity Malaysia mengharungi banyak cabaran dan pengalaman menarik susulan dari pelbagai ancaman terhadap keselamatan siber ketika ekonomi dunia beransur-ansur pulih daripada krisis kewangan global. Bagaimanapun, kami tetap berjaya melindungi kepentingan keselamatan siber yang diperlukan semua pelanggan dan negara, di samping terus melaksanakan pelbagai program dan projek yang dirancang menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Kami mendapat suntikan semangat sebagai penerima dana menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (ESP2), seiring usaha mengekalkan sumbangan industri keselamatan ICT terhadap ekonomi negara. ESP2 turut memberi sokongan untuk kami meningkatkan kerjasama di antara industri dan kerajaan dalam menubuhkan Prasarana Maklumat Kritikal Negara (CNII). Mengimbas kembali pencapaian sepanjang tahun lalu, kami telah berjaya memperluaskan pangkalan pelanggan dan menggalakkan inovasi perkhidmatan dalam usaha menangani lonjakan cabaran dan keperluan terhadap keselamatan siber.

Sejak CyberSecurity Malaysia diwujudkan pada 2001, perkhidmatan kami dibahagikan kepada lima bahagian kepakaran atau asas:

1. **Perkhidmatan Kecemasan Siber**
   i. MyCERT – Cyber999
   ii. Forensik Digital – CyberCSI

2. **Perkhidmatan Pengurusan Kualiti Keselamatan**
   i. Pengurusan & Amalan Terbaik Keselamatan
   ii. Perkhidmatan Jaminan Keselamatan
      - Malaysia ICT Security Evaluation Facilities (MySEF)
      - Malaysia Vulnerability Assessment Center (MyVAC)

3. **Badan Pensijilan Kriteria Bersama Malaysia (MyCB)**

4. **Penyelidikan Dasar Keselamatan Siber**
   i. Penyelidikan Dasar Strategik
   ii. Penyelidikan Media Siber
   iii. Penyelarasan Pelaksanaan Dasar

5. **Pembangunan Profesional Keselamatan Maklumat dan Capaian.**
   i. Pembangunan Profesional Keselamatan Maklumat
   ii. Capaian

CYBER EMERGENCY SERVICES

1. MyCERT – Cyber 999™

MyCERT (Malaysia Computer Emergency Response Team) has dealt with an increasing number of computer security incidents since its establishment in 1997. This rise in incidents has corresponded with the tremendous growth of internet usage in the country since the mid-1990s. Today, the most prevalent incidents include the denial of service, malware attacks, fraud and online harassment. Besides its primary role to maintain computer and cyber security, MyCERT also provides advisory services to domestic internet users as well as other international computer security incident response teams (CSIRTs).

For the year under review, MyCERT's Cyber999 service handled a total of 3,564 security incidents, representing a year-on-year increase of 68%. Added to this figure are another 43,287 incidents related to malware hosting, remote file inclusion (RFI) attacks and infection attempts that occurred in the research network operated by the Malware Research Centre. It is heartening to note that MyCERT registered an incident resolution rate of 98% or almost 46,000 incidents.

In dealing with these incidents, MyCERT handled 1,889,165 unique IP addresses affected by cyber threats, the most common of which were system intrusion followed by online fraud. More information on the incidents can be viewed at: http://www.mycert.org.my/en/services/statistic/mycert/2009/main/detail/625/index.html

As part of its mandate, MyCERT issued 61 security advisories related to various vulnerabilities in applications and security events in 2009. The list of advisories can be viewed at: http://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2009/main/index.html

PERKHIDMATAN KECEMASAN SIBER

1. MyCERT – Cyber 999™

Semenjak penubuhannya pada 1997, MyCERT (Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer Malaysia) berdepan dengan peningkatan insiden yang membabitkan keselamatan komputer. Keadaan itu selari dengan peningkatan penggunaan internet yang memberangsangkan di negara ini sejak pertengahan 1990-an. Hari ini, antara masalah paling kerap dihadapi termasuk penidakan perkhidmatan, serangan *malware*, penipuan dan gangguan dalam talian. Selain peranan utamanya untuk mengekalkan keselamatan komputer dan alam siber, MyCERT turut menyediakan perkhidmatan nasihat kepada pengguna internet domestik dan Pasukan Tindak balas Insiden Kecemasan Keselamatan Komputer Antarabangsa (CSIRTs) yang lain.

Bagi tahun di bawah penilaian, perkhidmatan Pusat Bantuan Cyber999 MYCERT telah mengendalikan sejumlah 3,564 insiden keselamatan, iaitu peningkatan 68% berbanding tahun sebelumnya. Fakta ini ditambah dengan 43,287 insiden berkaitan perumahan malware (malware hosting), serangan remote file inclusion (RFI) dan percubaan serang jangkitan (infection attempts) yang berlaku dalam kajian rangkaian yang dikendalikan Pusat Kajian *Malware*. Seperkara membanggakan ialah kadar penyelesaian yang didaftar MyCERT telah mencecah 98 % atau kira-kira 46,000 insiden.

Dalam usaha menangani insiden-insiden ini, sehingga kini MyCERT mengendalikan 1,889,165 alamat IP unik yang mengalami ancaman siber, di mana insiden yang paling kerap berlaku ialah pencerobohan sistem, diikuti penipuan dalam talian. Maklumat lanjut mengenai insiden boleh dilihat di: http://www.mycert.org.my/en/services/statistic/mycert/2009/main/detail/625/index.html

Sebagai sebahagian daripada mandatnya, MyCERT turut mengeluarkan 61 peringatan keselamatan berkaitan pelbagai kelonggaran dalam aplikasi dan acara keselamatan pada 2009. Senarai peringatan boleh dilihat di: http://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2009/main/index.html



Figure 1: Incidents handled by MyCERT in 2009
Rajah 1: Insiden dikendalikan MyCERT pada 2009



Figure 2: Spam handled by MyCERT in 2009
Rajah 2: Spam dikendalikan MyCERT pada 2009



Figure 3: Infected computers handled by MyCERT in 2009
Rajah 3: Komputer terjejas dikendalikan MyCERT pada 2009

The most prominent of these security events was the 'Conficker' (also known as 'Downadup' and 'Kido') malware which exploited a relatively known vulnerability in the Microsoft Windows operating system. Apart from issuing a security advisory and press release, MyCERT also worked closely with .my Domain Registry, the Conficker Working Group and local Internet Service Providers (ISPs) to detect and warn owners of computers infected by Conficker.

1.1 Knowledge Sharing

Besides handling computer related incidents, MyCERT is also a point of reference for various organisations and participates in knowledge sharing and exchange program through various activities including conferences, training and seminars in both the domestic and international arenas.

In response to requests for assistance and guidance by the international community, MyCERT provided training to the Egypt Computer Emergency Response Team (EG-CERT) and the Oman National CERT (O-CERT) on handling computer security incidents.

In 2009, MyCERT also conducted hands-on training at the following events:

- Honeynet Hands-on Workshop at the OIC-CERT Conference 2009 (Honeynet Hands-on), Malaysia;
- Web Application Security Workshop at the FIRST Technical Colloquium KL 2009;
- Web Security Training (Web Security), Malaysia; and
- Web Intrusion: Practical Analysis with OSS Tools at the MSC Malaysia OSS Conference 2009.

As active participants in various international initiatives related to cyber security, MyCERT staff shared their expertise and experience at international conferences including:

- OIC-CERT Conference 2009, Malaysia;
- Asia Forum of IT, Thailand;
- Honeynet Project Annual Conference, Malaysia;
- APCERT AGM & Conference, Taiwan;
- APECTEL 39, Singapore;
- Anti-phishing Working Group CECOS III, Spain;
- Security Awareness Seminar - Institution of Engineering and Technology, Brunei;
- FIRST Annual Conference, Japan;
- ASEAN Law Enforcement Workshop, Indonesia; and
- FIRST-TC (Technical Colloquium) KL 2009, Malaysia.

MyCERT was involved in two cyber security exercises in 2009 - the ASEAN CERT Incident Drill (ACID) and the National Cyber Drill (X-Maya 2). CyberSecurity Malaysia coordinated and developed the drill scenarios for X-Maya 2, which was organised by the National Security Council (NSC). A total of 18 agencies from 10 CNII sectors took part in X-Maya 2 and engaged in incident handling activities such as malware analysis and application hardening.

1.2 Important Milestones

CyberSecurity Malaysia registered two significant milestones in 2009. They were the launch of Cyber999 on July 7, 2009 and launch of the CyberSecurity Malaysia Malware Research Centre on December 1, 2009, both by the Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Cyber999 is the brand name of MyCERT's service to deal with cyber threats while the centre – referred to as 'HoneyNet' or 'LebahNet' – provides CyberSecurity Malaysia with a base to spearhead the nation's research and development to meet the threat of malware activities.

Malware yang paling ketara berkaitan aspek keselamatan ini ialah 'Conficker' (turut dikenali sebagai 'Downadup' dan 'Kido') di mana ia mengeksploitasi kelonggaran yang diketahui secara relatif wujud dalam sistem operasi Microsoft Windows. Selain daripada mengeluarkan peringatan keselamatan dan kenyataan media, MyCERT turut bekerja rapat dengan .my Domain Registry, Kumpulan Kerja Conficker dan Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) tempatan bagi mengesan dan memberi amaran kepada pemilik komputer yang diserang Conficker.

1.1 Perkongsian Pengetahuan

Selain menangani insiden berkaitan komputer, MyCERT juga adalah sumber rujukan bagi pelbagai organisasi dan mengambil bahagian dalam perkongsian serta pertukaran pengetahuan menerusi pelbagai aktiviti termasuk persidangan, latihan dan seminar di arena domestik dan antarabangsa.

Sebagai respon terhadap permintaan masyarakat antarabangsa untuk bantuan dan bimbingan, MyCERT menyediakan latihan kepada Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Egypt (EG-CERT) dan Oman National CERT (O-CERT) dalam menangani insiden keselamatan komputer.

Pada 2009, MyCERT turut mengadakan latihan langsung seperti berikut:
- Bengkel Langsung Honeynet pada Persidangan OIC-CERT 2009 (Honeynet Hands-on), Malaysia;
- Bengkel Keselamatan Aplikasi Web pada Kolokium Teknikal FIRST KL 2009;
- Latihan Keselamatan Web (Web Security), Malaysia; dan
- Pencerobohan Web: Analisis Praktikal Menggunaan Perkakasan OSS pada Persidangan MSC Malaysia 2009.

Sebagai peserta aktif di pelbagai inisiatif antarabangsa berkaitan keselamatan siber, kakitangan MyCERT berkongsi kepakaran dan pengalaman pada persidangan antarabangsa, antaranya:
- Persidangan OIC-CERT 2009, Malaysia;
- Forum IT Asia, Thailand;
- Persidangan Tahunan Projek Honeynet, Malaysia;
- AGM dan Persidangan APCERT, Taiwan;
- APECTEL 39, Singapura
- Kumpulan Kerja Anti-phishing CECOS III, Sepanyol;
- Seminar Kesedaran Keselamatan - Institut Kejuruteraan dan Teknologi, Brunei;
- Persidangan Tahunan FIRST, Jepun
- Bengkel Penguatkuasaan Undang-Undang ASEAN, Indonesia; dan
- FIRST-TC (Kolokium Teknikal) KL 2009, Malaysia.

MyCERT terbabit dengan dua dril keselamatan siber pada 2009 - Dril Insiden ASEAN CERT (ACID) dan Latih Amal Krisis Siber Kebangsaan (X-Maya 2). CyberSecurity Malaysia menyelaras dan membangunkan senario dril bagi X-Maya 2 anjuran Majlis Keselamatan Negara (NSC). Sebanyak 18 agensi daripada 10 sektor CNII telah mengambil bahagian dalam X-Maya 2 dan menyertai aktiviti menangani insiden seperti analisis malware dan pembekuan aplikasi (application hardening).

1.2 Pencapaian Penting

CyberSecurity Malaysia melakar dua pencapaian signifikan pada tahun 2009. Ia membabitkan pelancaran Cyber999 pada 7 Julai, 2009 dan pelancaran Pusat Kajian Malware CyberSecurity Malaysia pada 1 Disember, 2009, kedua-duanya telah disempurnakan perasmiannya oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili.

Pusat Bantuan Cyber999 ialah jenama perkhidmatan MyCERT bagi menangani ancaman siber manakala pusat berkenaan - dirujuk sebagai 'HoneyNet' atau 'LebahNet' – menyediakan asas bagi CyberSecurity Malaysia untuk meneraju kajian dan pembangunan negara dalam mengatasi ancaman aktiviti *malware*.

MyCERT also builds alliances with local and international organisations to extend cooperation and collaboration in understanding and handling computer security incidents, which are rarely isolated events. In 2009, MyCERT exchanged Memoranda of Understanding (MoUs) on the sharing of expertise and experience with the Egypt National CERT, the Taiwan Honeynet Project and Universiti Kuala Lumpur. These were in addition to existing partnerships with local internet service providers, the Asia Pacific Computer Emergency Response Teams (APCERT), Organisation of the Islamic Conference – Computer Emergency Response Teams (OIC-CERT), MY Domain Registry, Bank Negara Malaysia, the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism, Royal Malaysian Police and other enforcement agencies.

1.3 Certification and Awards

In 2009, six MyCERT personnel achieved certification from the prestigious SANS (SysAdmin, Audit, Network, Security) Institute for SANS GPEN (Penetration Testing), SANS GCIH (Incident Handling) and the ISMS Lead Auditor. MyCERT was also recognised internationally when one of its employees received the ISC2 Information Security Leadership Achievement (ISLA) 2009 from the International Information Systems Security Certification Consortium, Inc. (ISC)²®.

MyCERT looks forward to the challenges and interesting engagements in 2010 and beyond. With the support of other services offered by CyberSecurity Malaysia, MyCERT will continue to position itself at the forefront in safeguarding the nation from cyber security threats.

2. Digital Forensics - CyberCSI

CyberSecurity Malaysia provides CyberCSI services to all law enforcement agencies (LEAs) and regulatory bodies (RBs) through its Digital Forensics Department (DFD) to deal with the rising number of cyber crimes involving different and increasingly sophisticated technologies. DFD is currently preparing to introduce a fully-fledged Digital Forensic Services with Standard Operating Procedure (SOP) in accordance to ASCLD/LAB-International (an ISO 17025 and American Society of Crime Lab Directors Standard dedicated to promoting excellence in forensic science through leadership and innovation).

For the year under review, DFD successfully analysed a total of 374 cases referred by LEAs and RBs such as the Royal Malaysian Police, Royal Malaysian Customs Department, Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Companies Commission of Malaysia (CCM), Securities Commission (SC), the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), the Ministry of Defence (MoD) and others.

Cumulatively between 2002 and 2009, DFD has assisted the LEAs and RBs on 1,186 cases with a broad case background. The number of cases in 2009, which included 50 onsite investigations, represents an increase of 26% over the previous year and reflects a trend that is expected to prevail in the years to come. Against this scenario, our digital forensics services are critical to the nation's cyber security and have already been included as a National Key Result Area (NKRA).

On all accounts, 2009 was a successful year for DFD with expert testimonies by our analysts leading to the closure of many cases brought on by the LEAs and RBs. CyberSecurity Malaysia is steadfastly committed to them in fighting cyber crimes in line with the DFD's vision in the Ninth Malaysia Plan (9MP) "To be a National Centre of Reference and Excellence in Digital Forensics with ASCLD/LAB-International Accreditation". We will continue to enhance our capabilities and capacities in digital forensics not only for the benefit of the nation, but also the global community.

MyCERT turut membentuk perikatan dengan organisasi tempatan dan antarabangsa dalam menawarkan kerjasama dan usahasama ke arah memahami dan menangani insiden keselamatan komputer yang kerap berlaku. Pada 2009, MyCERT bertukar Memorandum Persefahaman (MoU) bagi perkongsian kepakaran dan pengalaman dengan CERT Kebangsaan Egypt, Projek Honeynet Taiwan dan Universiti Kuala Lumpur. Ini adalah tambahan kepada kerjasama sedia ada dengan pengendali perkhidmatan tempatan, Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT), Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer - Persidangan Pertubuhan Islam (OIC-CERT), MY Domain Registry, Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Polis Diraja Malaysia dan agensi penguatkuasaan lain.

1.3 Perakuan dan Anugerah

Pada 2009, enam kakitangan MyCERT telah mendapat perakuan daripada Institut SANS (SysAdmin, Audit, Network, Security) bagi SANS GPEN (Ujian Penembusan), SANS GCIH (Menangani Insiden) dan Auditor Pendahulu ISMS. MyCERT turut diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila seorang daripada kakitangannya telah menerima anugerah menerusi Pencapaian Kepimpinan Keselamatan Maklumat (ISLA) ISC^2 2009 daripada International Information Systems Security Certification Consortium, Inc., (ISC)$^{2®}$.

MyCERT akan terus menyahut cabaran dan tuntutan tahun 2010 dan seterusnya. Dengan sokongan perkhidmatan lain yang ditawarkan CyberSecurity Malaysia, MyCERT akan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam melindungi negara daripada ancaman keselamatan siber.

2. Forensik Digital - CyberCSI

CyberSecurity Malaysia menawarkan perkhidmatan CyberCSI kepada semua agensi penguakuasa undang-undang (LEAs) dan badan kawal selia (RB) menerusi Jabatan Forensik Digital (DFD) dalam menangani peningkatan jenayah siber membabitkan teknologi berbeza dan semakin canggih. Ketika ini, DFD bersiap sedia untuk memperkenalkan Perkhidmatan Forensik Digital menyeluruh dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti ditetapkan oleh ASCLD/LAB-International (Standard Pengarah Makmal Jenayah mengikut Standard Masyarakat Amerika yang memiliki ISO 17025, khusus bagi mempromosi kecemerlangan sains forensik menerusi kepimpinan dan inovasi)

Bagi tahun penilaian, DFD berjaya menganalisis sejumlah 374 kes yang dirujuk oleh LEA dan RB seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Pertahanan (MoD) dan lain-lain.

Secara kumulatif antara tahun 2002 hingga 2009, DFD telah membantu LEA dan RB dalam menangani sejumlah 1,186 kes berasaskan pelbagai rangkuman latar belakang. Bilangan kes dalam tahun 2009, termasuk 50 penyiasatan *onsite*, mewakili peningkatan 26% mengatasi tahun sebelumnya dan ini menggambarkan aliran yang dijangka berterusan dalam tahun-tahun akan datang. Berlatarkan senario ini, perkhidmatan forensik digital kami amat kritikal terhadap keselamatan siber negara dan disenaraikan sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Keseluruhannya, tahun 2009 merupakan tahun cemerlang bagi DFD dengan keterangan pakar oleh pengalnalisis kami membawa kepada penyelesaian banyak kes yang diketengahkan oleh LEA dan RB. CyberSecurity Malaysia amat komited dalam memerangi jenayah siber, sejajar visi DFD menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) "Untuk Menjadi Pusat Rujukan dan Kecemerlangan Kebangsaan bagi Forensik Digital berserta Akreditasi Antarabangsa-ASCLD/LAB". Kami akan terus meningkatkan keupayaan dan kemampuan di bidang forensik digital, bukan saja demi kepentingan negara tetapi merangkumi masyarakat global keseluruhannya.

As part of its knowledge sharing initiatives, DFD participated in several seminars and forums organised by various parties from the government, private sector and non-profit organisations. DFD also conducted training on digital forensics for LEAs and RBs including training to become Certified Fraud Examiners (CFE) under Bank Negara Malaysia. Our involvement and speaking engagements at local and international seminars, forums and workshops in 2009 include:

- Talk on Digital Forensics at International Symposium and Cybercrime Response, Seoul, South Korea;
- Talk on Digital Forensics at the OIC CERT Seminar, Kuala Lumpur;
- Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (Perlis) Digital Forensics Workshop, Perlis;
- Cyber Security Talk at Institution of Engineers, Putrajaya;
- Talk on Prevention in Financial Crime & Bribery Forum, Kuala Lumpur;
- Talk on Digital Forensics at International Symposium of Forensic Science & Health of Environment, Kuala Lumpur; and
- Talk on Digital Forensics for Legal Department of the Inland Revenue Board of Malaysia, Kuala Lumpur.

DFD also conducted a highly-successful knowledge sharing session at Cyber Security Malaysia || SecureAsia@Kuala Lumpur on July 6 & 7, 2009. Attended by our Special Interest Group (SIG) mainly from the LEA and RBs, the event focused on addressing issues related to investigations involving digital evidence and adopting resolutions on moving forward. This SIG forum also included two digital forensic experts from Microsoft Asia and CEDAR Audio representatives who were invited as speakers. DFD presented several topics at the event such as ***'Quality Management in Digital Forensics Laboratory', 'Digital Media Investigation: The New Perspective'*** and '***Lawful Interception: The Time Is Now!'.***

Sebagai sebahagian daripada insiatif perkongsian pengetahuannya, DFD menyertai beberapa seminar dan forum anjuran pelbagai pihak meliputi sektor kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan. DFD turut mengendalikan latihan forensik digital bagi LEA dan RB termasuk latihan untuk menjadi Pemeriksa Penipuan Bertauliah (CFE) di bawah Bank Negara Malaysia. Pembabitan kami dalam siri syarahan, seminar, forum dan bengkel tempatan serta antarabangsa sepanjang 2009 termasuk:

- Syarahan Forensik Digital di Simposium Antarabangsa Tindak balas Jenayah Siber, Seoul, Korea Selatan;
- Syarahan Forensik Digital di Seminar OIC-CERT, Kuala Lumpur;
- Bengkel Forensik Digital Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Perlis), Perlis;
- Syarahan Keselamatan Siber di Institut Jurutera, Putrajaya;
- Syarahan Mengenai Pencegahan Jenayah Kewangan dan Forum Pemberian Rasuah, Kuala Lumpur;
- Syarahan Forensik Digital di Simposium Antarabangsa Forensik Digital dan Persekitaran Kesihatan, Kuala Lumpur; dan
- Syarahan Forensik Digital bagi Jabatan Perundangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Kuala Lumpur.

DFD turut mengadakan sesi perkongsian pengetahuan yang mencapai kejayaan memberangsangkan menerusi CyberSecurity Malaysia || SecureAsia@Kuala Lumpur pada 6 & 7 Julai, 2009. Dihadiri oleh Kumpulan Kepentingan Khas (SIG) dengan sebahagian besarnya LEA dan RB, fokus acara itu ialah memberi penekanan terhadap isu berkaitan penyiasatan membabitkan bukti digital dan mencari penyelesaian untuk manfaat masa depan. Forum SIG turut membabitkan dua pakar forensik digital dari Microsoft Asia dan wakil CEDAR Audio yang dijemput memberi syarahan. DFD membentangkan beberapa topik seperti ***'Pengurusan Kualiti di Makmal Forensik Digital, 'Penyiasatan Media Digital: Perspektif Baru'*** dan ***'Pintasan Sah: Sekarang Masanya!"***



Figure 1: Case Background
Rajah 1: Latar belakang Kes



Figure 2: Yearly DF Case Statistics
Rajah 2: Statistik Tahunan Kes DF



Figure 3: Monthly DF Cases Statistics
Rajah 2: Statistik Bulanan Kes DF

Research and Development is a critical aspect of digital forensics and an important purview of the DFD. Through our R&D efforts, we produced and distributed the second version of the Digital Forensics Live CD and Pocket Guide for Digital Forensics First Responders to LEAs and RBs. These products offer a guide and other useful information on digital forensics investigation.

We signed MoUs with local institutions of higher learning (IHLs) to create awareness and improve digital forensics capabilities through R&D programs. This included an MoU Management and Science University (MSU) to introduce a bachelor's degree in computer forensics. We also formed smart partnerships with local universities and colleges such as Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) and Universiti Teknologi Petronas (UTP) for course module development, part-time lecturing, student internship programs and to supervise research programs at the post-graduate level. These initiatives are aimed at generating graduates with digital forensics expertise. We are heartened to note that they have resulted in increased student enrolment in this discipline.

The year 2009 marked another successful year for the DFD and is set to provide the springboard for future achievements under the 10th Malaysian Plan (10MP). We will continue to improve our service delivery by augmenting our skills and knowledge in digital forensics in the ever-escalating war against cyber crime.

SECURITY QUALITY MANAGEMENT SERVICES

1. Security Management and Best Practices (SMBP)

CyberSecurity Malaysia is at the forefront of efforts to promote, encourage and support the implementation of Security Management and Best Practices (SMBP) in information security among both public and private organisations in the country. CyberSecurity Malaysia has leveraged on SMBP to enhance its Information Security Management System (ISMS) and attain ISO/IEC 27001 certification after passing the annual surveillance audit. It is now well-placed to drive other organisations towards ISMS certification to secure the operating environment. In particular, CyberSecurity Malaysia is working to extend SMBP to CNII agencies in line with the directive by the Chief Secretary to the Government for critical organisations to be certified within three years.

To ensure the readiness of the organisation to provide critical services to stakeholders, the SMBP Department has consistently enhanced its Business Continuity programmes. It also played a significant role in the second annual Cyber Drill - codenamed X-MAYA2 - a simulated and coordinated exercise to assess the cyber security emergency readiness of Malaysia's CNII against cyber attacks.

As part of its responsibilities, the department consistently develops guidelines and best practices for use by external organisations and internet users. These guidelines serve to offer guidance on dealing with the increasingly challenging security issues faced by the cyber community.

CyberSecurity Malaysia also contributes to the development of standards in information security and business continuity management for both local and international bodies. The organisation co-produced an ISO project "Guideline on Identification, Collection/Acquisition and Preservation of Digital Evidence" presented at the SC27 Working Group meeting in Beijing in Maly 2009. Its subsequent approval represented a significant achievement and recognition of CyberSecurity Malaysia in ISO standards development. CyberSecurity Malaysia is currently working on the draft document which is expected to be published as an ISO/IEC 27037 document in 2011.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) adalah antara aspek kritikal Forensik Digital, selain menjadi lingkungan penting DFD. Menerusi usaha R&D, kami menghasilkan dan mengagihkan versi kedua CD `Live' Forensik Digital dan Panduan bagi Responden Terawal Forensik Digital kepada LEA dan RB. Produk ini menawarkan panduan dan maklumat berguna berkaitan penyiasatan forensik digital.

Kami menandatangani MoU dengan institusi pengajian tinggi (IPT) bagi mewujudkan kesedaran dan memperbaiki kemampuan forensik digital menerusi program R&D. Ini termasuk MoU Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) bagi memperkenalkan kursus Ijazah Sarjana Jurusan Forensik Komputer. Kami juga mengadakan kerjasama pintar dengan universiti dan kolej tempatan seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) bagi pembangunan modul kursus, syarahan separuh masa, program penempatan pelajar amali dan menyelia program kajian di peringkat lepasan ijazah. Inisiatif ini bermatlamat menambah bilangan graduan yang memiliki kepakaran forensik digital. Kami berbangga untuk memaklumkan tindakan itu mendorong kepada pertambahan penyertaan pelajar dalam bidang berkenaan.

Tahun 2009 merupakan satu lagi tempoh penuh kejayaan bagi DFD dan bersedia menjadi batu loncatan terhadap lebih banyak kejayaan masa depan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Kami akan terus meningkatkan perkhidmatan dengan memperluaskan kepakaran dan pengetahuan di bidang forensik digital dalam memerangi jenayah siber yang semakin berleluasa.

PERKHIDMATAN PENGURUSAN KUALITI KESELAMATAN

1. Pengurusan & Amalan Terbaik Keselamatan (SMBP)

CyberSecurity Malaysia berada di barisan hadapan dalam mempromosi, menggalak dan menyokong pelaksanaan Pengurusan & Amalan Terbaik Keselamatan (SMBP) bagi keselamatan maklumat organisasi sektor awam dan swasta. CyberSecurity Malaysia menggerakkan SMBP supaya meningkatkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan meraih perakuan ISO/IEC 27001 selepas lulus audit pengawasan tahunan. Ia kini berada di landasan yang betul bagi membimbing organisasi lain ke arah mendapat perakuan ISMS dalam memelihara persekitaran operasi. Secara khususnya, CyberSecurity Malaysia sedang berusaha memperluaskan SMBP kepada agensi CNII sejajar dengan arahan Ketua Setiausaha Negara supaya organisasi kritikal perlu mendapat perakuan ISMS dalam tempoh tiga tahun.

Bagi memastikan kesediaan organisasi dalam menawarkan perkhidmatan kritikal kepada pelanggan, Jabatan SMBP meningkatkan program Kesinambungan Perniagaan secara konsisten. Ia turut memainkan peranan penting dalam Latih Amal Siber tahun kedua yang dikenali sebagai X-MAYA2, iaitu latihan stimulasi dan terselaras bagi menilai kesediaan keselamatan kecemasan siber CNII Malaysia dalam menentang serangan siber.

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya, jabatan ini turut membangunkan garis panduan dan amalan baik secara konsisten bagi kegunaan dalaman organisasi dan pengguna internet. Garis panduan ini menawarkan bimbingan dalam menangani peningkatan cabaran isu keselamatan dihadapi oleh masyarakat siber.

CyberSecurity Malaysia juga menyumbang kepada pembangunan piawaian keselamatan maklumat dan pengurusan berterusan perniagaan bagi badan tempatan dan antarabangsa. Organisasi ini menghasilkan secara bersama projek ISO "Garis panduan mengenai Pengenalan, Pengumpulan/ Pemerolehan dan Pemeliharaan Bukti Digital" yang dibentang pada mesyuarat Kumpulan Kerja SC27 di Beijing pada May 2009. Kelulusan yang diterimanya melambangkan pencapaian signifikan dan pengiktirafan ke atas CyberSecurity Malaysia mengikut pembangunan piawaian ISO. CyberSecurity Malaysia kini sedang merangka draf dokumen yang dijangka diterbitkan sebagai dokumen ISO/IEC 27037 pada 2011.

2. Security Assurance Department (SA)

In today's computing environment, trust is a predominant issue. A system is trusted when it behaves as expected. However, absolute security condition is something that is very difficult to achieve. The practical goal is to achieve a certain level of assurance that the system is trustworthy. The Security Assurance Department (SA) is entrusted to provide the security assurance services via two units - the Malaysia ICT Security Evaluation Facility (MySEF) and the National Vulnerability Assessment Centre (MyVAC)

- Malaysia ICT Security Evaluation Facility (MySEF)

The Malaysia ICT Security Evaluation Facility (MySEF) conducts independent evaluation of the security of ICT products aimed at establishing a level of confidence and assurance among users and consumers. By benchmarking against the Common Criteria (CC) (MS-ISO/IEC 15408) and the Common Evaluation Methodology (CEM) (MS-ISO/IEC 18405), MySEF helps to ensure the correct implementation and application of the service functionality of the products. The evaluation process encompasses such factors as the product design, development environment, delivery process, guidance documentation, testing procedures and also potential vulnerabilities.

During the year under review, MySEF applied for the Common Criteria evaluation facility licence from the MyCB (MyCC Certification Body) and is on track to obtain a full licence upon the completion of two evaluation projects. In December 2009, MySEF successfully passed the MS-ISO/IEC 17025 - The General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories compliance audit by Standards Malaysia, which forms part of the licence requirements.

MySEF was also mandated to evaluate 30 local products under the Second Economic Stimulus Package (ESP2) programme in 2009. Via ESP2, MySEF was able to provide financial assistance to local ICT companies with the objective of increasing the number of homegrown products certified with the Common Criteria.

- National Vulnerability Assessment Centre (MyVAC)

The main mandate of the National Vulnerability Assessment Centre (MyVAC) is to continually assess the security posture of the Critical National Information Infrastructure (CNII) sectors with the aim of deterring and mitigating cyber threats. MyVAC conducts a Vulnerability Assessment and Penetration Testing (VAPT) on-site as well as off-site to identify potential vulnerabilities and at the same time, enhance the knowledge and skills in the areas of networking, wireless technologies, server operating systems, web applications and databases within these sectors. To date, MyVAC is equipped with two test laboratories: the Mobile and Network Security Test Lab and the Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA) Security Test lab. Among the agencies that leveraged on MyVAC's services are the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), the Royal Malaysian Police, the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Under the Second Economic Stimulus Package (ESP2), MyVAC provided financial assistance for its Vulnerablility Assessment Service (VAS) to 30 CNII sectors. These included the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Office of the Chief Government Security Officer (CGSO), Immigration Department, National Registration Department, Ministry of Health (MoH), Inland Revenue Department, Road Transport Department, Westports Malaysia and Malaysia Airport Technologies Sdn Bhd.

A collaborative effort with the CGSO, this ESP2 VAS project also involved the assistance of 15 local security consultants: BDO Consulting, KPMG Malaysia, Diaspora, Intranium, Intellimicro Malaysia, Millenium Radius, Tri-IT, Extol MSC, PWC, SCAN Associates, iTania, Janasys, iProtocol, Time Engineering and Firmus Security.

In 2009, MyVAC was also involved in several events such as a dialogue session on CNII sectors organised by CGSO.

2. Jabatan Jaminan Keselamatan (SA)

Dalam persekitaran perkomputeran hari ini, kepercayaan adalah isu paling utama. Sesuatu sistem dipercayai sekiranya ia berfungsi seperti yang diharapkan. Bagaimanapun, keadaan keselamatan mutlak adalah sesuatu yang amat sukar dicapai. Sasaran praktikal ialah mencapai satu tahap jaminan bahawa sistem berkenaan boleh dipercayai. Jabatan Jaminan Keselamatan (SA) diberi kepercayaan menyediakan perkhidmatan jaminan keselamatan menerusi dua unit - Kemudahan Penilaian Keselamatan ICT Malaysia (MySEF) dan Pusat Penilaian Kelemahan Malaysia (MyVAC).

- Kemudahan Penilaian Keselamatan ICT Malaysia (MySEF)

Kemudahan Penilaian Keselamatan ICT Malaysia (MySEF) mengendalikan penilaian bebas berhubungan keselamatan produk ICT, bertujuan membentuk tahap keyakinan dan jaminan di kalangan pengguna. Dengan menetapkan Kriteria Umum (CC) (MS-ISO/IEC 15408) dan Metodologi Penilaian Umum (CEM) (MS-ISO/IEC 18405) sebagai penanda aras, MySEF membantu dalam memastikan pelaksanaan dan aplikasi yang betul supaya semua produk berfungsi seperti sepatutnya. Proses penilaian merangkumi faktor seperti reka bentuk produk, persekitaran pembangunan, proses penyampaian, pendokumentasian bimbingan, prosedur ujian dan kemungkinan kerentanan.

Sepanjang tahun kajian, MySEF memohon penilaian kemudahan bagi Kriteria Umum dari MyCB (Badan Perakuan MyCC) dan berada di landasan betul untuk mendapatkan lesen penuh, susulan siapnya dua projek penilaian. Pada Disember 2009, MySEF berjaya memperolehi MS-ISO/IEC 17025 - audit pematuhan Keperluan Umum bagi Kecekapan Menguji dan Makmal Pelarasan oleh Standards Malaysia yang membentuk sebahagian daripada keperluan lesen.

MySEF juga diberi kepercayaan menilai 30 produk tempatan di bawah program Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (ESP2) pada 2009. Menerusi ESP2, MySEF turut menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat ICT tempatan, dengan objektif meningkatkan bilangan produk tempatan yang mendapat perakuan Kriteria Umum.

- Pusat Penilaian Kelemahan Malaysia (MyVAC)

Mandat utama Pusat Penilaian Kelemahan Malaysia (MyVAC) ialah menilai secara berterusan kerangka keselamatan sektor Prasarana Maklumat Kritikal Kebangsaan (CNII), dengan sasaran menangkis dan mengurangkan ancaman siber. MyVAC menjalankan Ujian Penilaian dan Penembusan Kerentanan (VAPT) di lokasi sebenar dan di luar lokasi bagi mengenal pasti kerentanan yang mungkin dihadapi dan pada masa sama, meningkatkan pengetahuan dan kepakaran jaringan, teknologi tanpa wayar, sistem operasi pelayan, aplikasi web dan pangkalan data di kalangan sektor ini. Ketika ini, MyVAC dilengkapi dua makmal ujian: Makmal Ujian Keselamatan Bergerak dan Perangkaian serta Makmal Ujian Keselamatan Kawalan Penyeliaan dan Perolehan Data (SCADA). Antara agensi yang mendapat manfaat perkhidmatan MyVAC ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (ESP2), MyVAC menyediakan bantuan kewangan bagi Pusat Penilaian Kerentanan (VAS) kepada 30 sektor CNII. Ini termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Pejabat Pegawai Keselamatan Ketua Kerajaan (CGSO), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kesihatan (MoH), Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Pengangkutan Jalan, Westports Malaysia dan Malaysia Airport Technologies Sdn Bhd.

Usahasama dengan CGSO, projek VAS ESP2 turut membabitkan bantuan 15 perunding keselamatan tempatan: BDO Consulting, KPMG Malaysia, Diaspora, Intranium, Intellimicro Malaysia , Millenium Radius, Tri-IT, Extol MSC, PWC, SCAN Associates, iTania, Janasys, iProtocol, Time Engineering dan Firmus Security.

Pada tahun 2009, MyVAC turut terbabit dalam beberapa majlis seperti sesi dialog mengenai sektor CNII anjuran CGSO.

MALAYSIA COMMON CRITERIA CERTIFICATION BODY (MyCB)

The Malaysian Common Criteria Certification Body (MyCB) was established in 2008 with the purpose of evaluating and certifying local ICT products and systems that meet the standards of ISO/IEC 15408 Information Technology – Security Techniques – Evaluation Criteria for IT Security. MyCB's formation as a certification body under CyberSecurity Malaysia was subsequent to the nation's acceptance as a consuming member of the Common Criteria Recognition Arrangement (CCRA), an international standard for gaining recognition and assurance in ICT security.

In 2009, MyCB focused its activities on promoting the Malaysian Common Criteria Evaluation and Certification (MyCC) Scheme to developers, consumers, government agencies, private organisations and others. The promotion is driven by advertising in the form of brochures, banners and print advertisement in the Malaysia SME Business Directory as well as talks and workshops in many parts of the country. For instance, MyCB gave a talk during the CyberSecurity Malaysia || SecureAsia@ Kuala Lumpur conference, at a series of MyCC Financial Assistance workshops in Kuala Lumpur and Ipoh, at the PIKOM regional workshop in Kuching, and also during exhibitions such as the PIKOM Leadership Summit 2009 and Pahang MSC Malaysia Launch.

MyCB capitalised on these events to distribute survey forms to gauge the demand for independent security evaluation and certification of ICT products in Malaysia as well as the public and local developer's understanding of the MyCC scheme.

The response from 276 individuals underscored the value of the MyCC scheme. Some 97% acknowledged the importance of security evaluation and certification for ICT products while 95% perceived certified products as being more valuable than non-certified ones. A similar percentage expressed confidence in developers' claims on the functions of certified ICT products. A total of 96% proclaimed support for the Government's effort to raise confidence levels in local ICT security products by conducting independent security evaluation and certification.

Local developers also agreed that there is a growing consumer demand for independent security evaluation and certification. They supported the view that certification of their ICT products would enhance their image and increase their prospects of enlarging market share.

However, some 37% of the respondents were not aware that CyberSecurity Malaysia offers ICT product security evaluation and certification services under the MyCC Scheme. To address this issue, MyCB is set aggressively promote the scheme through such means as media and video advertisement.

During the year, MyCB personnel participated in several international forums and meetings, both to represent Malaysia and to gain exposure in this vital field. Among the events were the Asian Information Security Evaluation and Certification (AISEC) Forum in Tokyo, the Annual International Common Criteria Conference (ICCC) and Common Criteria Recognition Arrangement (CCRA) working groups meeting in Norway. At these events, MyCB updated the international community on the development and establishment of the MyCC Scheme and its various initiatives moving forward.

CyberSecurity Malaysia also submitted an application to change the nation's CCRA participatory status from Consuming to Authorising to the Chairman of Common Criteria Management Committee (CCMC) in December 2009. A Shadow certification assessment by CCRA has been scheduled in 2010 and this will be an important milestone for the organisation.

BADAN PENSIJILAN KRITERIA BERSAMA MALAYSIA (MyCB)

Badan Pensijilan Kriteria Bersama Malaysia (MyCB) diwujudkan pada tahun 2008 bertujuan memberi penilaian dan perakuan produk dan sistem ICT tempatan yang memenuhi piawaian ISO/IEC 15408 Teknologi Maklumat – Teknik Keselamatan – Kriteria Penilaian bagi Keselamatan IT. Pembentukan MyCB sebagai badan perakuan di bawah CyberSecurity Malaysia adalah sejajar dengan penerimaan Malaysia sebagai ahli Perjanjian Pengiktirafan Kriteria Bersama (CCRA), piawaian antarabangsa bagi meraih pengiktirafan dan jaminan dari segi keselamatan ICT.

Pada tahun 2009, MyCB menumpukan aktiviti terhadap mempromosi Skim Penilaian dan Pensijilan Kriteria Bersama Malaysia (MyCC) kepada pemaju, pengguna, agensi kerajaan, organisasi swasta dan lain-lain. Promosi digerakkan dengan pengiklanan melalui brosur, pemidang dan iklan bercetak dalam Direktori Perniagaan PKS Malaysia selain syarahan dan bengkel di seluruh negara. Sebagai contoh, MyCB memberi syarahan pada Persidangan Cyber Security Malaysia || SecureAsia@Kuala Lumpur, beberapa siri bengkel Bantuan Kewangan MyCC di Kuala Lumpur dan Ipoh, bengkel wilayah PIKOM di Kuching, dan juga pameran seperti Sidang Kemuncak Kepimpinan PIKOM 2009 dan Pelancaran MSC Malaysia Pahang.

MyCB mengambil peluang melalui acara ini dengan mengedarkan borang kaji selidik bagi mengukur permintaan ke atas penilaian dan perakuan keselamatan bebas terhadap produk ICT di Malaysia, di samping melihat kefahaman pemaju awam dan tempatan mengenai Skim MyCC.

Maklumbalas daripada 276 individu menekankan nilai Skim MyCC. Kira-kira 97% menyedari kepentingan penilaian dan perakuan produk ICT manakala 95% menyifatkan produk diperakukan lebih bernilai berbanding yang tidak memiliki perakuan. Peratusan sama melahirkan keyakinan terhadap dakwaan pemaju mengenai fungsi produk ICT yang diperakukan. Sejumlah 96% menyatakan sokongan terhadap usaha Kerajaan meningkatkan tahap keyakinan produk ICT tempatan dengan mengadakan penilaian dan perakuan keselamatan bebas.

Pemaju tempatan turut mengakui wujud peningkatan permintaan daripada pengguna bagi penilaian dan perakuan keselamatan bebas. Mereka bersetuju dengan pendapat bahawa perakuan produk ICT akan meningkatkan imej masing-masing dan membuka peluang ke arah perluasan pasaran.

Bagaimanapun, kira-kira 37% responden tidak mengetahui CyberSecurity Malaysia menawarkan perkhidmatan penilaian dan perakuan produk ICT menerusi Skim MyCC. Bagi menangani isu ini, MyCB akan mempromosi skim berkenaan secara agresif menerusi pelbagai kaedah seperti iklan media dan video.

Tahun ini juga, kakitangan MyCB mengambil bahagian di dalam beberapa forum dan mesyuarat antarabangsa, kedua-duanya bagi mewakili Malaysia dan mendapat pendedahan di bidang penting ini. Antara yang disertai ialah Forum Penilaian dan Perakuan Keselamatan Maklumat Asia (AISEC) di Tokyo, Persidangan Tahunan Kriteria Umum Antarabangsa (ICCC) dan mesyuarat kumpulan kerja Perjanjian Pengiktirafan Kriteria Bersama (CCRA) di Norway. Di pertemuan itu, MyCB mengemaskini perkembangan pembangunan dan pengwujudan Skim MyCC dan pelbagai inisiatif disediakan sebagai persediaan untuk terus melangkah ke depan.

CyberSecurity Malaysia turut menghantar permohonan menukar status penyertaan CCRA negara daripada status menggunakan *(Consuming)* kepada penguatkuasa *(Authorising).* Permohonan ini dibuat kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kriteria Bersama (CCMC) pada Disember 2009. Penilaian perakuan awal oleh CCRA dijadualkan pada 2010 dan ia akan menjadi peristiwa penting bagi organisasi ini.

CYBER SECURITY POLICY RESEARCH

1. Strategic Policy Research Department (SPR)

The Strategic Policy Research Department (SPR) is responsible for all matters pertaining to strategic research and emerging cyber security issues. SPR is tasked with exploring new initiatives that have strategic impacts towards enhancing the nation's self reliance in cyberspace. In addition, the department is also responsible for identifying strategic collaboration with key organisations to enhance CyberSecurity Malaysia's position in global cyber security communities.

A major role of SPR is to prepare proposals that involve national policy matters for the consideration of relevant stakeholders such as the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), the National Security Council (NSC), the National Cyber Security Coordination Committee (NC3) and the National Cyber Security Advisory Committee (NaCSAC) before being forwarded to the Cabinet. The proposals tabled and adopted in 2009 include 'Information Security Management Systems (ISMS)' and the 'Buy Malaysian First Policy for ICT Security Products' for critical sectors within the CNII. The department also submits monthly reports to MOSTI as one of the initiatives to enhance the awareness of stakeholder on the activities of CyberSecurity Malaysia and its contribution to the country. The department also provides advisories and feedbacks to various stakeholders, enabling them to make informed decisions pertaining to various strategic matters.

SPR spearheads the initiatives for the Organisation of The Islamic Conference – Computer Emergency Response Team OIC-CERT. CyberSecurity Malaysia is the co founder and presently the chair of this international collaboration and SPR is responsible for the formation and appointment of OIC-CERT to become an affiliated body to the OIC. SPR is now undertaking the promotion and membership drive for the OIC-CERT and leading the activities to meet the objectives of this collaboration.

Several strategic collaborations were established between CyberSecurity Malaysia and other OIC-CERT member countries under the OIC-CERT banner. Among the collaborative programs is to promote CyberSecurity Malaysia as a technical advisor in the establishment of CERT among OIC member nations.

On the home front, SPR led the initiative on 'A Study on the Laws of Malaysia to Accommodate the Legal Challenges in the Cyber Environment'. The outcome was tabled at the National IT Council chaired by the Prime Minister. The other initiative that is in progress is the development of the 'National Strategy for Cyber Security Acculturation and Capacity Building Program' aimed at securing the nation's cyberspace through acculturation and capacity building in cyber security.

2. Cyber Media Research Department (CMR)

Cyber Media Research Department (CMR) is responsible for provide ministerial papers and reports to the stakeholders pertaining to the development and issues in cyber security. To meet the stakeholders' expectations, CMR prepares papers such as the Memorandum to the Cabinet, Note to the Cabinet and official feedback to Parliamentary enquiries. One of the crucial papers is the monthly Note to the Cabinet on Cyber Incidences in Malaysia to continuously inform and update Cabinet Ministers on the gravity of cyber incidences in the country. In addition, CMR provides reports on potential cyber threats to MOSTI, the NSC and the Home Ministry.

CMR serves as the secretariat to a national committee overseeing the mitigation of cyber incidents in the country. CMR also manages the mailing list to facilitate communications among the committee members. To enhance this further, the department is spearheading the development of a portal that will provide a platform for an online forum to discuss issues at hand and facilitate information sharing.

PENYELIDIKAN DASAR KESELAMATAN SIBER

1. Jabatan Penyelidikan Dasar Strategik (SPR)

Jabatan Penyelidikan Dasar Strategik (SPR) bertanggungjawab bagi perkara berkaitan kajian strategik dan isu keselamatan siber semasa. SPR dipertanggungjawabkan untuk meneroka inisiatif baru yang mempunyai impak strategik terhadap meningkatkan kendiri negara di ruang siber. Sebagai tambahan, jabatan ini turut bertanggungjawab mengenal pasti usahasama strategik dengan organisasi utama ke arah melonjakkan kedudukan CyberSecurity Malaysia di kalangan masyarakat keselamatan siber global.

Fungsi utama SPR ialah menyediakan cadangan membabitkan dasar negara untuk pertimbangan pihak relevan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Majlis Keselamatan Negara (NSC), Jawatankuasa Penyelarasan Keselamatan Siber Kebangsaan (NC3) dan Jawatankuasa Penasihat Keselamatan Siber Kebangsaan (NaCSAC) sebelum diperpanjangkan ke Kabinet. Antara cadangan yang dibentang dan diterima pada 2009 termasuk `Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)' dan `Dasar Beli Barangan Produk Keselamatan ICT Malaysia Dahulu' bagi sektor kritikal di kalangan CNII. Jabatan turut menghantar laporan bulanan kepada MOSTI sebagai antara inisiatif meningkatkan kesedaran di kalangan pihak berkenaan terhadap aktiviti CyberSecurity Malaysia dan sumbangannya kepada negara. Jabatan turut menyediakan peringatan dan maklum balas kepada pelbagai pihak berkaitan yang membolehkan mereka membuat keputusan awal berhubung pelbagai permasalahan strategik.

SPR meneraju inisiatif Pasukan Tindak balas Kecemasan Komputer - Persidangan Pertubuhan Islam (OIC-CERT). CyberSecurity Malaysia adalah pengasas bersama dan ketika ini menjadi Pengerusi usahasama antarabangsa ini. SPR bertanggungjawab terhadap pembentukan dan pelantikan OIC-CERT sebagai badan bersekutu OIC. SPR sedang menggerakkan usaha promosi dan keahlian OIC-CERT dan mengetuai pelbagai aktiviti ke arah memenuhi objektif usahasama ini.

Beberapa usahasama strategik dibentuk di antara CyberSecurity Malaysia dan negara anggota OIC-CERT lain di bawah payung OIC-CERT. Antara program usahasama tersebut itu ialah mempromosi CyberSecurity Malaysia sebagai penasihat teknikal bagi penubuhan CERT di kalangan negara anggota OIC.

Di peringkat tempatan, SPR menerajui inisiatif 'Kajian Ke Atas Undang-Undang Malaysia Dalam Memenuhi Cabaran Perundangan bagi Persekitaran Siber'. Hasilnya dibentang pada Majlis IT Kebangsaan yang dipengerusikan Perdana Menteri. Inisiatif lain yang sedang dilakukan ialah `Strategi Kebangsaan Bagi Akulturasi Keselamatan Siber dan Program Pembinaan Keupayaan', bertujuan melindungi ruang siber negara menerusi akulturasi dan pembinaan keupayaan dari segi keselamatan siber.

2. Jabatan Penyelidikan Media Siber (CMR)

Jabatan Penyelidikan Media Siber (CMR) bertanggungjawab menyediakan kertas kementerian dan laporan kepada pihak berkaitan mengenai pembangunan dan isu-isu keselamatan siber. Dalam usaha memenuhi jangkaan pihak berkaitan, CMR menyediakan laporan seperti Memorandum kepada Kabinet, Nota kepada Kabinet dan maklumbalas rasmi kepada soalan Parlimen. Satu daripada laporan terpenting ialah Nota Bulanan kepada Kabinet Mengenai Insiden Siber di Malaysia bagi mengemaskini dan memaklumkan kepada Menteri Kabinet kedudukan insiden siber di negara ini. Sebagai tambahan, CMR menyediakan laporan kemungkinan ancaman siber kepada MOSTI, NSC dan Kementerian Dalam Negeri.

CMR berfungsi sebagai sekretariat kepada jawatankuasa kebangsaan yang mengendalikan pengurangan insiden siber di negara ini. CMR turut menguruskan senarai edaran bagi membantu komunikasi di kalangan ahli jawatankuasa. Bagi meningkatkan usaha ini, jabatan sedang membangunkan portal yang akan menyediakan platform bagi forum dalam talian untuk membincangkan isu semasa dan memudahkan perkongsian maklumat.

CMR conducts online research on existing and emerging cyber threats to develop and produce its reports. This is undertaken via a WebCrawler application jointly developed by CMR and the vendor. Trends and proposals are then collated, analysed and presented to the stakeholders. This ensures that stakeholders are better informed in the course of making decisions, formulating policies and developing guidelines for the country's information security initiatives.

In educating the public on cyber security issues, department staff regularly contribute articles for publication in various newspapers, magazine and related publications.

3. Policy Implementation Coordination (PIC)

The Policy Implementation Coordination Department (PIC) is dedicated towards implementing the National Cyber Security Policy (NCSP) and realising the government's vision of having a secured and safe cyber environment especially for the CNII sectors. CyberSecurity Malaysia has been given the mandate to oversee the implementation of the NCSP under the purview of MOSTI. Two committees were formed to facilitate the implementation of the NCSP and they are the National Cyber Security Coordination Committee (NC3) and the National Cyber Security Advisory Committee (NaCSAC). PIC is the co-secretariat together with MOSTI for both committees.

The NC3 is a national committee chaired by the Secretary General of MOSTI to oversee the implementation of the NCSP. New policies on framework or guidelines can be escalated to the NaCSAC, chaired by the Chief Secretary to the Government, for endorsement. As the secretariat, PIC provides members of the committees with sound advice on moving forward.

The NCSP's vision is that 'Malaysia's Critical National Information Infrastructure shall be secure, resilient and self-reliant. Infused with a culture of security it will promote stability, social well being and wealth creation'. To realise this vision, the nation's CNII sectors comprising Ministries, regulators and organisations must work together in a coordinated fashion under the guidance of the NC3 and NaCSAC.

Three NC3 meetings were held, on January 9, April 3 and July 2, 2009. This was followed by a National Cyber Security Advisory Committee (NaCSAC) meeting on July 17, 2009. NaCSAC accepted two cyber security proposals to be implemented under the NCSP initiatives. They are:

- The Information Security Management Systems (ISMS) certification for the CNII entities. The policy requires all CNII entities to adopt MS ISO/IEC 27001:2006 – ISMS (or its equivalent) and attain certification within three years;
- 'Buy Malaysia First' for ICT Products'. All CNII entities are to accord priority to local ICT products for installation within their critical systems. Preference is now given to ICT products with certification on the security functions. This effort will ensure that Malaysia can be self reliant in ICT security and contribute to the growth the nation's economy.

